
Yesus, Sahabatku Yang Indah

(Renungan Cap Ibu Anak)



Evelyn Tan Hwee Yong

Upstream Publishing

Yesus, Sahabatku Yang Indah (Renungan Cap Ibu Anak)

hakcipta@2014 Tan Hwee Yong

Pelukis kulit buku: Kee Hup Thong

Pelukis: Julius Tan


Ayat-ayat Alkitab diambil daripada Alkitab yang diterbitkan oleh Lembaga Alkitab Indonesia, 2010 dan diubahsuai kepada Bahasa Malaysia. Hakcipta terlindung undang-undang.

Hakcipta terpelihara. Tidak dibenarkan mengeluarkan ulang, mana-mana bahagian bab, isi kandungan buku ini dengan apa jua bentuk dan dengan cara apapun, sama ada elektronik, fotokopi, mekanik, rakaman atau lain-lain, sebelum mendapat izin bertulis daripada Upstream Publishing.

Diterbitkan: Upstream Publishing
hweeyong@yahoo.com
Facebook: Upstream Publishing

ISBN:

Dicetakkan oleh
JESS CONCEPT
No. 20-0-8 Jalan 1/108C
Taman Sg. Besi
57100 Kuala Lumpur



Isi Kandungan

Prakata

Hari 1	Segala Dijadikan Yesus	8
Hari 2	Tepat Waktunya	10
Hari 3	Tuhan Menjadi Manusia	11
Hari 4	Kelahiran Yang Paling Istimewa	12
Hari 5	Kandang Untuk Menyambut Raja	13
Hari 6	Kota Daud Telah Lahir Penyelamat	14
Hari 7	Immanuel	15
Hari 8	Persembahkanku	16
Hari 9	Sejak kecil Tuhan Yesus suka Firman Tuhan	17
Hari 10	Lihat Domba Allah	18
Hari 11	Godaan Tuhan Yesus	20
Hari 12	Tuhan Yesus Memanggil	22
Hari 13	Nubuat dipenuhi	23
Hari 14	Tangkapan Ajaib	25
Hari 15	Lewi yang dipanggil Matius	26
Hari 16	Penjala manusia	27
Hari 17	Perkahwinan di Kanaan	28
Hari 18	Lahir Kembali	30
Hari 19	Tuhan Yesus menyembuh anak pegawai istana	31
Hari 20	Air Hidup	32
Hari 21	Mesias ada di depan matamu	33
Hari 22	Berkelah Bersama Yesus	34
Hari 23	Serupa Bapa-Ku	35
Hari 24	Berbahagiaalah orang yang miskin	36
Hari 25	Berbahagiaalah orang yang berdukacita	37
Hari 26	Berbahagiaalah orang yang lemah lembut	38
Hari 27	Berbahagiaalah orang yang lapar dan haus akan kebenaran	40

Hari 28	Berbahagialah orang yang murah hati	41
Hari 29	Berbahagia orang yang suci	42
Hari 30	Berbahagialah orang yang membawa damai	43
Hari 31	Berbahagialah oleh orang yang dianiaya	44
Hari 32	Yang Paling Utama	46
Hari 33	Maria dan Marta	47
Hari 34	Garam Dunia	48
Hari 35	Kasihi Musuh	50
Hari 36	Siang Malam Aku Kkuatir	51
Hari 37	Bapa Kami Yang Di Syurga	52
Hari 38	Pembina yang bijak dan pembina yang bodoh	53
Hari 39	Siapa Orang Ini?	54
Hari 40	Dosamu Diampuni	55
Hari 41	Awak Berharga	56
Hari 42	Yang Kecil Bertumbuh	57
Hari 43	Empat jenis tanah	58
Hari 44	Hari tuaian	59
Hari 45	Bersih di dalam	60
Hari 46	Tuhan Yesus berjalan atas air	61
Hari 47	Engkau adalah Mesias	63
Hari 48	Pikullah Salibmu	64
Hari 49	Bersama Yesus di Puncak Gunung	65
Hari 50	Saudara Yesus Siapa?	66
Hari 51	Yesus Berkata Berehat	67
Hari 52	Tuhan Yesus Mengasihi Kanak-Kanak	68
Hari 53	Rumah-Rumah Di Syurga	69
Hari 54	Jalan Sehalu	71
Hari 55	Doa Yesus	73
Hari 56	Memberi kepada Tuhan	74
Hari 57	Ketuk-Ketuk	76
Hari 58	Buah-Buah Manis	77
Hari 59	Tuhan Yesus lebih berkuasa daripada Iblis	78

Hari 60	Beritahu kawan-kawan dan keluargamu	79
Hari 61	Jamuan	81
Hari 62	Gembala Baik	82
Hari 63	Bertanggungjawab atas yang kecil	83
Hari 64	Tuhan Yesus mentahirkan sepuluh pesakit kusta	85
Hari 65	Suara-Nya	86
Hari 66	Tuhan Yesus tidak suka kita bertopeng	87
Hari 67	Semua Yang Dikatakan Nabi	88
Hari 68	Yesus dan Zakheus	90
Hari 69	Tuhan Yesus berdoa bagi kita	91
Hari 70	Lazarus tertidur bukan mati	92
Hari 71	Kemuliaan Allah	93
Hari 72	Ke Yerusalem dengan menang	94
Hari 73	Tuhan Yesus membasuh kaki murid-murid	96
Hari 74	Jamuan Paskah	98
Hari 75	Perjamuan Kudus	99
Hari 76	Kehendak-Mu Jadilah	100
Hari 77	Maria Mengurapi Yesus Di Betania	101
Hari 78	Penolong Yang Lain	103
Hari 79	Dikhianati oleh Yudas	104
Hari 80	Petrus menyangkal Yesus	105
Hari 81	Yesus dihukum	106
Hari 82	Yesus di hadapan Pilatus	107
Hari 83	Raja dihina	109
Hari 84	Yesus disalibkan	110
Hari 85	Sayang akan ibu bapamu	112
Hari 86	Yesus Berbohongkah?	113
Hari 87	Tuhan Yesus sudah bangkit!	114
Hari 88	Perjalanan Ke Emmaus	115
Hari 89	Petrus Berjalan Dalam Air	117
Hari 90	Amanat agung dan Pengangkatan Yesus	118

Prakata

Susanna Wesley menjadi ibu teladan yang kuat beribadat dan berdisiplin dengan diri sendiri dan anak-anaknya. Anak-anaknya menjadi pahlawan-pahlawan iman seperti John dan Charles Wesley. Mereka tahu panggilan dan kehendak Tuhan dalam hidup mereka dengan jelas.

Susanna menetapkan enam belas peraturan bagi anak-anaknya. Di antara enam belas peraturannya yang menarik ialah ajarlah seorang anak berdoa sebelum dia belajar bercakap; anak-anak tidak boleh berbising sewaktu ibadat keluarga diadakan. Susanna berkata jangan biarkan perbuatan dosa begitu saja tanpa menerima hukumannya tetapi jangan menghukum seorang anak dua kali atas kesalahan yang sama.

Walaupun sibuk dengan kerja, Susanna berusaha mencari tempat teduh untuk berdoa. Kalau anak-anaknya melihat ibu menutupi kepalanya dengan kain apron ini bererti dia sedang berdoa. Sekalipun hidup Susanna sibuk dan susah, ibadat, doa dan bacaan firman Tuhan tetap penting bagi keluarganya.

Ibu ini mencurahkan hatinya untuk menulis renungan bagi anak-anaknya supaya mereka boleh bertumbuh sihat. Buku ini diilhami oleh teladan Susanna Wesley dan ingin mengajak ibu-ibu untuk meluangkan waktu membawa renungan dan berdoa bersama anak. Biar anak-anak kita mengenal Tuhan Yesus dengan intim.



Cara memakai buku Yesus, sahabatku

Buku Renungan Yesus, Sahabatku Yang Indah (cap ibu anak) ditulis untuk menolong ibu mengadakan renungan bersama-sama anak-anak supaya mereka mengenal Tuhan Yesus. Biarlah kita meletakkan asas-asas iman bagi anak kita khususnya pengenalan mereka akan Yesus Kristus, Sahabat yang hidup.

Doa: Mulakan renungan dengan doa. Ibu boleh berdoa atau menggalakkan anak-anak untuk berdoa.

Bacaan Alkitab: Ibu membaca bahagian Alkitab inibersama dengan anaknya.

Ayat Mas: Baca ayat ini juga sebelum membaca renungannya bersama dengan anak. Ibu boleh berbincang renungan itu bersama anaknya.

Doa Tutup: Setelah mengadakan renungan bagi hari itu, seorang ibu boleh menutup dalam doa.

Semoga ilham Tuhan Yesus dan penyertaan Roh Kudus serta rahmat Allah Bapa menyertai waktu renunganmu dengan anak.


Evelyn Tan Hwee Yong
(5hb Mac 2014)





“Suffer The Children to Come Unto Me” - SIMEONEY

“Jangan melarang kanak-kanak untuk datang kepada-Ku” - SIMEONEY



Bacaan Alkitab: Yohanes 1:1-5,14

Ayat Mas: “Segala sesuatu dijadikan oleh Dia dan tanpa Dia tidak ada suatu pun yang telah jadi dari segala yang telah dijadikan,” (Yohanes 1:3).

SEGALA DIJADIKAN YESUS

Sebelum Tuhan Yesus lahir di dunia ini, Dia sudah ada. Dia Firman yang bersama Allah. Firman itu menjadi manusia dan tinggal di dunia ini.

Segala sesuatu di dunia ini diciptakan oleh Tuhan Yesus demi kemuliaan-Nya. Rama-rama indah, arnab-arnab comel, ikan-ikan yang berwarna-warni di sungai, semua diciptakan-Nya. Gunung-ganang yang indah, hutan rimba yang hijau tenang, mentari yang ceria, bulan yang indah dan bintang-bintang yang berkelip-kelip semuanya bagi Yesus. Kamu juga diciptakan bagi Yesus dan kemuliaan-Nya.

Tuhan Yesus menjaga seluruh dunia ini. Dunia ini berputar kerana Tuhan Yesus. Semua di dunia ini berlansung kerana Yesus. Awak hidup kerana Tuhan Yesus memelihara kamu. “Dalam Dia ada hidup dan hidup itu adalah terang manusia,” (Yohanes 1:4).

Betapa agung dan besarnya Tuhan Yesus. Bersyukurlah kerana kamu diciptakan untuk Tuhan Yesus dan hidupmu ada di tangan-Nya. Sembahlah Tuhan Yesus yang sudah wujud sebelum dunia ini wujud. Segala hidup di dunia berasal daripada Dia. “Dalam Dia ada hidup dan hidup itu adalah terang manusia,” (Yohanes 1:4).



Doa: Tuhan Yesus, Penciptaku yang agung, aku menyembah dan memuji Engkau yang wujud sebelum aku dan dunia diciptakan.





TEPAT WAKTUNYA



**Bacaan Alkitab: Lukas 2:1-6;
Galatia 4:4**

Ayat Mas: *“Tetapi setelah genap waktunya, maka Allah mengutus Anak-Nya, yang lahir daripada seorang perempuan dan takluk kepada hukum Taurat,” (Galatia 4:4).*

Ani menantikan sembilan bulan untuk kelahiran adiknya. Pagi ini hati Ani berdebar-debar sewaktu bersama ibunya ke hospital. Bapa mereka memandu mereka ke hospital di Kampar. Tentu Ani tidak sunyi lagi dan dia bergembira. Setelah berjam-jam menunggu, Ani menitis airmata apabila mendengar tangisan bayi.

Alkitab berkata tepat pada waktunya Allah mengirimi Anak-Nya, Tuhan Yesus ke dunia ini. Nabi-nabi dalam Perjanjian Lama sudah berjanji seorang bayi akan dilahirkan dan ramai orang menunggunya. Ketika di Bethlehem, waktu sudah tepat maka Yesus dilahirkan di kota kecil, Bethlehem. Janji yang pernah diberikan oleh Nabi Mikha, “Tetapi engkau, hai Bethlehem Efrata, hai yang terkecil di antara kaum-kaum Yehuda, daripadamu akan bangkit bagi-Ku seorang yang akan memerintah Israel, yang permulaannya sudah sejak purbakala, sejak dahulu kala,” (Mikha 5:1).

Pada waktu itu di Yerusalem ada seorang yang sangat tua bernama Simeon. Dia sudah lama menantikan Mesias, Yesus yang akan dilahirkan bagi segala bangsa. Sewaktu Tuhan Yesus dibawa ke Bait Suci untuk digenap, dia sungguh gembira. Dia berseru suatu nubuat nabi Yesaya yang dipenuhi. “Sekarang, Tuhan, biarkanlah hamba-Mu ini pergi dalam damai sejahtera, sesuai dengan firman-Mu, sebab matakulah telah melihat penyelamatan yang daripada-Mu, yang telah Engkau sediakan di hadapan segala bangsa, iaitu terang yang menjadi penyataan bagi bangsa-bangsa lain dan menjadi kemuliaan bagi umat-Mu, Israel (Lukas 2:29-32; Yesaya 42:6).

*Doa: Aku bersyukur kepada
Engkau Bapa Syurgawi, tepat pada
waktu-Nya, Engkau memberi kami
Tuhan Yesus.*



Hari 3

TUHAN MENJADI MANUSIA



Bacaan Alkitab: Filipi 2:6-10

Ayat Mas: *“Firman itu telah menjadi manusia, dan diam di antara kita, dan kita telah melihat kemuliaan-Nya, iaitu kemuliaan yang diberikan kepada-Nya sebagai Anak Tunggal Bapa, penuh kasih karunia dan kebenaran,” (Yohanes 1:14).*

“Awak masih percayakah cerita tentang Tuhan menjadi manusiakah?” tanya Kenny.

“Aku percaya dengan sepenuh hati,” kata Lee Leng.

Tiba-tiba sewaktu mereka sedang bercakap arnab-arnab menyeberangi jalan. Lori itu melanggar arnab itu kerana Kenny dan Lee Leng tidak sempat menyelamatkannya.

“Alangkah baiknya kalau saya boleh menjadi arnab dan memberinya amaran agar jangan menyeberangi jalan,” kata Kenny.

“Demikian juga, Tuhan Yesus menjadi manusia supaya kita memahami rancangan Tuhan bagi manusia,” kata Lee Leng.


Anak-anak, sebelum Tuhan Yesus datang ke dunia, Dia tinggal di syurga bersama dengan Bapa-Nya. Dia telah mengosongkan diri-Nya dan datang menjadi manusia, dan taat sehingga mati di kayu salib. Allah membangkitkan Tuhan Yesus pada hari ketiga dan meninggikan-Nya sehingga Dia menjadi Raja atas segala raja.

Doa: Tuhan Yesus, aku bersyukur kerana Engkau rela meninggalkan syurga dan datang menjadi manusia.





KELAHIRAN YANG PALING ISTIMEWA



Bacaan Alkitab: Matius 1:18-24

Ayat Mas: “Hal ini terjadi supaya genaplah yang difirmankan Tuhan oleh nabi,” (Matius 1:22).

Kelahiran seorang bayi selalu dianggap istimewa. Orang Cina suka memberi jiran mereka telur-telur merah dan kek kalau bayi baru lahir. Namun, di dunia ini ada seorang bayi yang paling istimewa dilahirkan bagi manusia. Namanya Yesus. Dia satu-satunya bayi yang dilahirkan daripada Roh Kudus! Dia bayi yang dijanjikan pada zaman dahulu oleh nabi-nabi untuk mengambil dosa manusia.

Yusuf tunangan Maria diminta agar jangan takut mengambil Maria sebagai isterinya oleh malaikat. Bayi dalam kandungannya itu adalah daripada Roh Kudus dan ini terjadi sebelum mereka berkahwin. Bayi ini dilahir oleh seorang perawan bukan buah perhubungan manusia.

Nabi Yesaya pernah berfirman, “Sebab seorang anak telah lahir untuk kita, seorang putera telah diberikan untuk kita; lambang pemerintahan ada di atas bahunya, dan namanya disebutkan orang: Penasihat Ajaib, Allah yang perkasa, Bapa yang Kekal, Raja Damai” (Yesaya 9:5). “Sebab itu Tuhan sendirilah yang akan memberikan kepadamu suatu petanda: Sesungguhnya, seorang perempuan muda mengandung dan akan melahirkan seorang anak laki-laki, dan dia akan menamakan Dia Imanuel,” (Yesaya 7:14).

Kelahiran istimewa ini terjadi hanya setelah waktunya sudah penuh. Nabi Mikha pernah bernubuat kelahiran bayi istimewa di kota kecil. “Tetapi engkau, hai Bethlehem Efrata, hai yang terkecil di antara kaum-kaum Yehuda” (Mikha 5:1).

Tuhan Yesus, aku mahu menyembah Engkau, kelahiran-Mu sungguh istimewa, satu-satunya bayi yang dilahir oleh seorang perawan.





Bacaan Alkitab: Lukas 2:4-7

Ayat Mas: "... Dia melahirkan seorang anak laki-laki, anaknya yang sulung, lalu dibungkusnya dengan lampin dan dibaringkannya di dalam palungan, kerana tidak ada tempat bagi mereka di rumah penginapan," (Lukas 2:7).

Pernahkah kamu dengar manusia dilahirkan di kandang dan tidur dalam palungan? Mungkin kamu pernah mendengar bayi yang dilahirkan di rumah buluh atau rumah panjang tetapi kandang? Siapakah yang mahu lahir di kandang?

Tuhan Yesus, Raja yang dinubuatkan oleh para nabi dilahirkan bukan di istana mewah. Tuhan Yesus, anak tunggal Allah telah dilahirkan di kandang. Sewaktu Tuhan Yesus datang, Dia tidak mencari keluarga yang kaya raya atau istana yang mewah supaya Dia boleh hidup selesa. Dia datang kepada keluarga miskin dan juga menyatakan kemuliaan-Nya kepada gembala-gembala miskin,

Pada waktu Maria dan Yusuf ke Bethlehem, pemerintah Rom memberi perintah agar semua nama didaftar. Yusuf berasal daripada nenek moyang Raja Daud, maka dia mesti ke Bethlehem untuk daftar. Semua tempat tinggal sudah penuh walaupun bagi seorang bayi yang perlu dilahirkan. Jadi Maria dan Yusuf pergi ke kandang.

Yang dilahir di kandang ini Raja atas segala raja. "...Dialah yang akan menyelamatkan umat-Nya dari dosa mereka" (Matius 1:21).

*Doa: Aku sembah
Engkau Raja atas segala
raja yang dilahirkan di
kandang.*





KOTA DAUD TELAH LAHIR PENYELAMAT



Bacaan Alkitab: Lukas 2:8-20

Ayat Mas: *“Hari ini telah lahir bagimu Juruselamat, iaitu Kristus, Tuhan, di kota Daud,” (Lukas 2:11).*

Di bukit bukau Bethlehem, sekelompok gembala sedang menjaga domba mereka. Sungguhpun mereka lelah, domba tetap dijaga. Kadangkala cuaca sangat dingin dan apabila angin menghembus, mereka mengigil. Malam ini sesuatu ajaib terjadi, dan mereka bersukacita.

Cahaya terang menerangi langit. Itu cahaya kemuliaan Tuhan. Gembala-gembala ini sangat takut. Malaikat yang terang turun lalu berkata, “Jangan takut! Aku datang membawa Berita Baik untuk kamu, berita yang menggembirakan semua orang. Pada hari ini di kota Daud telah lahir Penyelamat kamu, Tuhan Yesus Kristus!”

Tiba-tiba banyak malaikat menyertai malaikat itu dan mereka memuji Tuhan. Apabila malaikat-malaikat itu kembali, gembala-gembala melawat bayi di Bethlehem. Apabila mereka melihat bayi yang dilampin terbaring di palungan, mereka sungguh gembira dan menyembah-Nya.

Banyak orang pada masa itu memandang rendah terhadap gembala tetapi malaikat datang memberitakan khabar baik kepada mereka. “Kemuliaan bagi Allah di tempat yang Maha Tinggi dan damai sejahtera di bumi di antara manusia yang berkenan kepada-Nya,” (Lukas 2:14).

Sewaktu di rumah, gembala-gembala ini memberitahu Maria apa yang dikatakan oleh malaikat-malaikat, Maria menyimpan segala kata-kata ini dalam hati dan merenunginya. Anak-anak bersukacitalah dan merenungilah kelahiran ajaib ini dalam hatimu. “Hari ini telah lahir bagimu Juruselamat, iaitu Kristus, Tuhan di kota Daud,” (Lukas 2:11).

Doa: Aku menyembah Engkau, Juruselamat yang datang ke dunia untuk aku dan manusia!





IMMANUEL



Bacaan Alkitab: Matius 1:20-23

Ayat Mas: *“Sesungguhnya, anak dara itu akan mengandung dan melahirkan seorang anak laki-laki, dan mereka akan menamakan Dia Immanuel-yang bererti: Allah menyertai kita,” (Matius 1:23).*

Kadangkala seorang ibu yang sayang anak mereka akan memberi nama timangan kepadanya. Lucunya kadangkala seorang anak sudah agak besar tetapi masih dipanggil, “Baby!” Kakak-kakak yang suka bermain dengan adiknya juga memberi nama timangan seperti “si jambu.” Anak jiran saya yang rajin mencari ubi untuk ibunya dipanggil “si ubi.”

Tuhan Yesus ada nama lain, “Immanuel.” Namanya bererti Tuhan bersama kita. Tuhan Yesus datang dari syurga untuk bersama kita. Kita tidak perlu takut kerana Tuhan Yesus bersama kita. Tuhan Yesus bersama dengan kita ke mana sahaja kita pergi. Kita mesti ingat setiap hari “Immanuel” yang ertinya Tuhan bersama kita. Kita boleh berdoa kepada Dia bila-bila masa sahaja.

Sejak Noni tahu nama Yesus juga “Immanuel” dia tidak lagi sedih kerana dia tahu Sahabat Syurgawi ini selalu bersamanya. Immanuel itu nama yang menghibur banyak anak yang sepi. Immanuel juga bererti Tuhan Yesus adalah Sahabat setia yang bersama kita dalam waktu senang atau susah.

Immanuel juga menjelaskan bayi yang dilahirkan itu Anak Allah yang sudah dijanjikan sejak zaman dahulu oleh nabi-nabi. “Firman itu telah menjadi manusia, dan diam di antara kita, dan kita telah melihat kemuliaan-Nya, iaitu kemuliaan yang diberikan kepada-Nya sebagai Anak Tunggal Bapa, penuh kasih karunia dan kebenaran,” (Yohanes 1:14).



Doa: Terima kasih Tuhan Yesus kerana Engkau lah Immanuel, Tuhan yang bersama aku selalu. Amin.





PERSEMBAHANKU



Bacaan: Matius 2:1-12

Ayat Mas: “Maka masuklah mereka ke dalam rumah itu dan melihat Anak itu bersama Maria, ibu-Nya, lalu sujud menyembah Dia. Mereka pun membuka tempat harta bendanya dan mempersembahkan persembahan kepada-Nya, iaitu emas, kemenyan dan mur.”(Matius 2:11).

Natal menjelang. Wendy tidak tahu hadiah apakah yang perlu diberikan kepada Cikgu Wong yang rajin mengajar di kampung mereka.

“Durian? Cikgu Wong tidak suka durian,” kata Ramli sambil berfikir.

“Kasut? Dia sudah ada beberapa pasang. Entah-entah dia suka kasut pilihannya,” dia berfikir sejurus.

Akhirnya, Ramli meminta dua ekor anak ayam kecil daripada ibunya dan memberinya kepada Cikgu Wong agar dipeliharanya untuk telur. “Biar ada telur setiap pagi,” fikir Ramli.

Orang-orang Majus dari Timur datang dari jauh-jauh untuk mencari bayi Yesus yang dilahir. Mereka melihat satu bintang dari Timur yang memberitahu mereka bahawa Mesias, Penyelamat sudah dilahir. Sewaktu mereka berangkat mencari Tuhan Yesus, bintang Timur mendahului mereka. Setiba di sana, mereka menyembah Anak yang bersama Maria itu, Mesias yang dinanti-nantikan sepanjang zaman. Hadiah-hadiah mereka berupa emas, kemenyan dan mur.

Anak-anak, Alkitab memberitahu kita bahawa Allah sudah memberi kita satu hadiah yang besar. “Kerana begitu besar kasih Allah akan dunia ini, sehingga Dia telah mengaruniakan Anak-Nya yang tunggal, supaya setiap orang yang percaya kepada-Nya tidak binasa, melainkan beroleh hidup yang kekal,” (Yohanes 3:16). Apakah yang anak-anak berikan kepada Tuhan Yesus?



Doa: Tuhan Yesus, kuingin berikan diriku sebagai hadiah kepada Engkau. Amin.



SEJAK KECIL, TUHAN YESUS SUKA FIRMAN TUHAN



Bacaan Alkitab: Lukas 2:41-51

Ayat Mas: *“Pada hari ketiga mereka mendapati Yesus di dalam Rumah Tuhan. Dia sedang duduk mendengarkan guru-guru agama Yahudi dan mengajukan soalan,” (Lukas 2:46).*

Tony suka mencari duku dan langsung bersama kawan-kawannya di hutan. Kadangkala mereka menolong ibu mereka mencari ubi kentang, cendawan dan sayur manis. Selain itu, Tony suka ikut ke rumah Pak Long yang mengajar mereka Alkitab. Mereka sering makan ubi dan menghirup kopi sambil mengaji Alkitab.

Sewaktu kecil, Yesus ke Yerusalem untuk Perayaan Paskah. Dia suka sekali ke Rumah Tuhan untuk berbahas Kitab-Kitab suci. Imam-imam semua hairan kerana anak yang berumur dua belas tahun sudah pandai menjelaskan firman Tuhan. Semua orang hairan dengan kepandaian Yesus sewaktu Dia menjelaskan firman Tuhan.


Anak-anak boleh menjadi bijak dengan membaca Alkitab, dan bercakap dengan Tuhan Yesus. Roh Kudus akan menolong kamu memahami firman Tuhan. Semakin kamu membaca Alkitab, semakin kamu bertambah bijak. Alkitab berkata, “Dan Yesus makin bertambah besar dan bertambah hikmat-Nya dan besar-Nya, dan makin dikasihi oleh Allah dan manusia” (Lukas 2:52).

Rasul Petrus menasihati kita untuk selalu bertumbuh bukan saja dalam badan kita tetapi juga pengenalan akan Yesus. “Tetapi bertumbuhlah dalam kasih karunia dan dalam pengenalan akan Tuhan dan Juruselamat kita, Yesus Kristus. Bagi-Nya kemuliaan, sekarang dan sampai selama-lamanya,” (2 Petrus 3:18).



Doa: Tuhan Yesus, aku mahu seperti Engkau selalu suka akan firman Tuhan. Aku mahu jadi bijak sungguhpun aku kecil.





Bacaan Alkitab: Yohanes 1:1-42

**Ayat Mas: “Dan ketika dia melihat Yesus lewat, dia berkata:
“Lihatlah Anak Domba Allah!” (Yohanes 1:36).**

Yohanes Pembaptis memberitahu penduduk pada masa itu tentang Tuhan Yesus. Dia diutus oleh Allah untuk mempersiapkan jalan bagi kedatangan Kristus. Yohanes ini suka memakai jubah bulu unta, ikat pinggang kulit, dan makanan yang diminati ialah belalang dan madu hutan. Yohanes tegas sewaktu menegur orang Farisi, dia berkata, “Hai kamu keturunan ular beludak.”

Ketika Tuhan Yesus datang ke sungai untuk dibaptiskan, Yohanes berkata, “Lihatlah Anak Domba Allah.” Domba Allah telah datang untuk menghapus dosa dunia. Dosa ialah berbuat sesuatu yang tidak baik dan melanggar kekudusan Tuhan. Semua orang di dunia ini berdosa. “Semua manusia telah berbuat dosa dan jauh daripada kemuliaan Tuhan,” (Roma 3:23).

Pada zaman dahulu, umat Tuhan menggunakan domba-domba bagi menghapuskan dosa. Domba itu disembelih kepada Allah untuk menanggung dosa mereka. Berulang kali mereka melakukannya namun dosa tetap tidak dapat dihapus selama-lamanya. Tuhan Yesus Domba Allah telah datang menghapus dosa manusia sekali untuk selama-lamanya.

Sewaktu Yesus dibaptis, langit terbuka dan Roh Allah bagai merpati turun ke atas-Nya. Suatu suara mengakui Yesus sebagai Anak Allah. “Inilah Anak-Ku yang Kukasihi, kepada-Nyalah Aku berkenan” (Matius 3:17)



LIHAT DOMBA ALLAH

Segera, dua murid mengikut Yesus setelah mendengar Yohanes Pembaptis. Mereka pergi tinggal bersama Tuhan Yesus. Salah satu yang mengikut Yesus bernama Andreas. Andreas memberitahu Simon bahawa dia telah bertemu Yesus, Mesias atau Juruselamat yang dijanjikan nabi-nabi. Simon mengikut mereka bertemu Yesus. Esoknya, Tuhan Yesus pergi ke Galilea dan bertemu dengan Filipus.

Tuhan Yesus adalah Domba Allah yang datang menghapus dosamu? Adakah awak segera mengikut Dia?



Doa: Aku bersyukur kepada Engkau, Domba Allah, yang diutus untuk menghapus dosa dunia. Aku mahu mengikut Engkau seumur hidupku.



Bacaan Alkitab: Matius 4:1-11

Ayat Mas: “Sebab Imam Besar yang kita punya, bukanlah imam besar yang tidak dapat turut merasakan kelemahan-kelemahan kita, sebaliknya sama dengan kita, sebaliknya sama dengan kita, Dia telah dicubai hanya tidak berbuat dosa,” (Ibrani 4:15).

Ronny digoda sewaktu peperiksaan di sekolah. Dia sudah lupa maksud banyak peribahasa. Kawan akrabnya, Albert sudah menghafal Kamus Lengkap Peribahasa. Ronny mengarut kepala, “Apa maksud setengah tiang?” “Makan cuka?” Albert menulis jawapan dalam secarik kertas lalu diberikan kepada Ronny. Ronny lulus ujian tetapi dia menyesal sebab kelakuan seperti ini tidak benar.

Bagaimana pula dengan Tuhan Yesus sewaktu digoda atau dicuba?

Sewaktu Yesus dibaptis, langit terbuka dan suara dari syurga kedengaran, “Inilah Anak-Ku yang Kukasihi, kepada-Nyalah Aku berkenan.”

Iblis ingin membuktikan Yesus bukanlah Anak Allah yang berkenan dan sempurna. Setelah Yesus berpuasa empat puluh hari dan lelah jasmani, Iblis mengambil kesempatan. Apabila disuruh perintahkan batu menjadi roti, Yesus menjawab, “Ada tertulis manusia hidup bukan dengan roti tetapi dengan setiap firman Allah.” Selanjutnya iblis menyuruh Yesus terjun dari puncak rumah ibadat. Yesus menjawab ada tertulis, “Janganlah engkau menguji Allah, Tuhanmu.” Iblis berfikir kekayaan dunia akan menggoda Yesus. Yesus dengan tegas berkata, “Nyah kau, Iblis.” Ada tertulis, “Hendaklah engkau menyembah Allah, Tuhanmu dan kepada-Nya saja engkau beribadat.”



GODAAN TUHAN YESUS

Yesus menang sebab kekuatan-Nya daripada firman Allah yang terkandung dalam Ulangan 8 yang terselip jauh di lubuk hati-Nya. Dia tidak gagal sewaktu digoda Iblis dan Dia memang Anak Allah yang Allah berkenan!” Selain itu, Dia memahami kelemahan kita sebab Dia pun pernah digoda dalam banyak hal. Dia menang dan memang Anak Allah yang sempurna.



Doa: Aku tinggikan nama Yesus, Anak Allah yang sempurna dan tidak pernah berdosa.



 **Bacaan Alkitab: Yohanes 1:40-51**

Ayat Mas: *“Kata Natanael kepada-Nya: “Bagaimana Engkau mengenal aku?” Jawab Yesus kepadanya: “Sebelum Filipus memanggil engkau. Aku telah melihat engkau di bawah pohon ara,” (Yohanes 1:48).*

Bagaimana perasaan kamu kalau Tuhan Yesus memberitahu kamu bahawa Dia nampak kamu di memetik petai pada hari dan waktu yang sangat tepat? Kamu jarang memetik petai tetapi hari itu kamu berada di sana. Wah! Bagaimanakah Yesus tahu akan hal ini ya?

Filipus memberitahu Natanael bahawa dia sudah bertemu dengan Yesus yang disebut dalam Taurat Musa dan para nabi, iaitu anak Yusuf. Yesus berasal dari Nazaret, kota kecil yang terpencil dan tidak sebesar kota lain. Natanael ragu-ragu bahawa Yesus yang datang dari Nazaret ada sesuatu yang baik kerana kota itu kecil dan terpencil.

Apabila Tuhan Yesus bertemu dengan Natanael Dia berkata sebelum Filipus memanggil dia, Dia sudah melihatnya. Yesus berkata, “Aku telah melihat engkau di bawah pohon ara.” Natanael terkejut. Sebenarnya Tuhan Yesus ada hal yang lebih besar untuk ditunjukkan kepada Natanael setelah dia mengikuti Yesus.

Natanael mengikuti Yesus. Dia akan semakin mengenal sifat dan firman-Nya. Perjalanan hidup-Nya menjadi bermakna kerana dia bersama Tuhan Yesus menjadi penjala manusia. Mereka kelak membawa manusia lain untuk memahami hal-hal Kerajaan Allah. Dia juga dapat melihat kuasa Allah di sebalik semua mukjizat-Nya. Yang paling menggembirakan Natanael ialah dia akan mengalami kasih Yesus, Sahabat setia.

Tuhan Yesus mengenal kamu. Dia tahu cara yang terbaik untuk membentuk kamu untuk menjadi pengikut-Nya. Dia mempunyai rancangan yang terindah bagi hidupmu. Ikutlah Dia segera!

Doa: Tuhan Yesus, aku ingin mengikut Engkau yang mempunyai rancangan indah bagiku.



Bacaan Alkitab: Lukas 4:16-21

Ayat Mas: *“Lalu Dia memulai mengajar mereka, kata-Nya, “Pada hari ini genaplah nas ini sewaktu kamu mengajarnya,” (Lukas 4:21).*

Abu sangat suka akan kampung halaman sendiri di Sibiu. Setiap kali dia kembali ke Sibiu, dia akan makan Kampua mi dua atau tiga piring! Pasti kita merasa sedih mendengar Tuhan Yesus berkata, “Aku berkata kepadamu, sesungguhnya tidak ada nabi yang dihargai di tempat asalnya.” Bayangkan Tuhan Yesus bukan sahaja nabi tetapi Dia Tuhan, Anak Tunggal Allah, tetapi penduduk kampung-Nya menghalau Yesus ke luar dari kota-Nya, ingin melemparkan dia ke tebing gunung.

Pada hari Sabat, Tuhan Yesus pergi ke rumah ibadah, dan membaca Yesaya 61:1-2. “Roh Tuhan ada pada-Ku, oleh sebab Dia telah mengurapi Aku, untuk menyampaikan khabar baik kepada orang-orang miskin; dan Dia telah mengutus Aku, untuk memberitakan pembebasan kepada orang-orang tawanan, dan penglihatan bagi orang-orang buta, untuk membebaskan orang yang tertindas, untuk memberitakan tahun rahmat Tuhan telah datang.” Tuhan Yesus berkata semua yang dinubuat oleh Yesaya sudah dipenuhi dalam diri-Nya.

Jirannya mula bercakap-cakap tentang Yesus. Mereka teringat Dia anak Yusuf. Tuhan Yesus tahu hati mereka. Yesus menceritakan bagaimana Allah memilih orang yang bukan Yahudi untuk melayani-Nya. Janda di Sarfat yang dipilih untuk memberi makanan kepada Elia. Namaan yang bukan Yahudi disembuh daripada penyakit kusta. Mereka tidak suka mendengar tentang kasih Allah bagi orang yang bukan Yahudi lalu berkasar dengan Yesus.

Jiran-jiran Tuhan Yesus menolak-Nya kerana mereka angkuh dan tidak dapat menerima ajaran-Nya. Hati mereka terlalu sempit.

NUBUAT DIPENUHI

Mereka berfikir Allah hanya mengasihi satu bangsa sahaja iaitu orang Yahudi. Mereka tidak boleh menerima Allah yang mengasihi dunia.

Anak-anak bagaimana pula dengan kamu? Adakah kamu akan menolak Yesus sebab kamu terlalu angkuh dengan kepercayaan sendiri?



Doa: Tuhan Yesus, aku percaya Engkau telah memenuhi semua yang dinubuat oleh nabi Yesaya tentang Engkau.



Hari 14 TANGKAPAN AJAIB

Bacaan Alkitab: Lukas 5:1-11

Ayat Mas: “Ketika Simon Petrus melihat hal itu ia pun tersungkur di depan Yesus dan berkata: “Tuhan, pergilah daripadaku, kerana aku ini seorang berdosa,” (Lukas 5:8).

Boleh bayangkan apa yang akan terjadi kalau Tuhan Yesus hadir di kampung kamu? Tentu kamu mahu mengikut Dia setiap hari untuk melihat setiap mukjizat-Nya, mendengar ajaran-Nya dan bercakap dengan-Nya. Kamu tentu meminta Tuhan Yesus ke rumah kamu untuk menikmati umai-umai dan nasi pulut!

Sewaktu Yesus berada di danau Genesaret, banyak orang berkumpul untuk mendengar firman-Nya. Yesus tidak mengajar di kelas. Dua perahu berada di sana dan nelayan-nelayan sedang mencuci jala mereka. Yesus menaiki satu perahu itu lalu mengajar penduduk. Apabila sudah mengajar, Tuhan Yesus menyuruh Simon untuk menebarkan jala. Simon berkata mereka sudah berusaha semalaman namun tiada tangkapan.

Simon menurut dan menangkap banyak ikan sehingga jala mereka koyak. Semua orang yang bersama Tuhan Yesus terkagum. Simon Petrus tersungkur lalu berkata, “Tuhan, pergilah daripadaku, kerana aku ini seorang berdosa.”

Bagaimana pula dengan kamu sewaktu Tuhan Yesus melakukan satu mukjizat dalam hidupmu? Banyak orang mengucap syukur buat seketika sahaja dan lupa akannya. Melihat mukjizat Yesus telah meyakinkan dan mengubah hidup Petrus seumur hidup. Dia mengikut Tuhan Yesus menjadi penjala manusia dan semakin ubah dalam hidupnya.



Doa: Tuhan Yesus, aku berterima kasih atas segala yang Engkau lakukan dalam hidupku. Aku mahu mengikuti Engkau seumur hidupku.





Bacaan Alkitab: Lukas 5:27-32

Ayat Mas: “Kemudian, ketika Yesus pergi ke luar, Dia melihat seorang pemugut cukai, yang bernama Lewi, sedang duduk di rumah cukai. Yesus berkata kepadanya, “Ikutlah Aku!” (Lukas 5:27).

Hasan selalu berfikir hanya orang yang kacak, berfikiran tajam dan banyak bakat akan dipanggil Tuhan Yesus untuk mengikuti dan melayani-Nya. “Siapakah saya ini,” kata Hasan sewaktu dia menatap wajahnya yang muncul dalam kolam jernih di Tanjung Malim.

Sebenarnya pengikut-pengikut Tuhan Yesus terdiri daripada mereka yang sederhana. Tuhan Yesus datang bukan untuk memanggil yang sempurna tetapi sebaliknya mereka yang sakit (berdosa) dan perlu diubah. Siapakah yang menduga Dia akan memanggil Lewi, pemugut cukai yang tamak?

Lewi terkejut pada hari itu apabila Tuhan Yesus memanggil dia. Betulkah? Bijakkah memanggil seorang pemugut cukai? Ketika Tuhan Yesus berkata, “Ikutlah aku” ini bererti dia harus meletakkan Yesus sebagai yang terutama. Dia akan meninggalkan kerjanya sebagai pemugut cukai untuk mengikuti Tuhan Yesus ke mana saja dia pergi. Yang lebih penting, dia harus meninggalkan tabiat dan sifat yang buruk seperti keinginan wang berlebihan.

Lewi yang sungguh gembira pun mengadakan jamuan di rumahnya dan mengundang Tuhan Yesus ke sana. Orang Farisi dan ahli Taurat bersungut-sungut, “Mengapa kamu makan dan minum bersama-sama dengan pemugut cukai dan orang berdosa?” Tuhan Yesus datang bukan untuk memanggil orang benar tetapi orang berdosa, supaya mereka bertaubat.

Ajaiblah, Tuhan Yesus boleh mengubah pemugut cukai menjadi murid-Nya yang setia dan menjadi berkat kepada umat-Nya.



Doa: Tuhan Yesus, saya mahu menanggalkan segala dosaku untuk mengikuti Engkau dalam segala hal.

Hari 16

PENJALA MANUSIA



Bacaan Alkitab: Matius 4:12-22

Ayat Mas: *“Mari, ikutlah Aku, dan kamu akan Kujadikan penjala manusia,” (Matius 4: 19).*

Banyak hal tentang Tuhan Yesus sudah dinubuat oleh nabi-nabi bahkan tempat yang dipergi-Nya.

Apabila Yesus mendengar Yohanes Pembaptis sudah ditangkap, Dia pergi ke Galilea. Hal Tuhan Yesus meninggalkan Nazaret ke Galilea pun satu nubuat oleh nabi Yesaya. Yesaya mengatakan bangsa-bangsa yang tinggal di Tanah Zebulon dan tanah Naftali, daerah sungai Yordan di Galilea akan melihat terang yang besar (Yesaya 8:23).

Tuhan Yesus berjalan di danau Galilea dan bertemu dengan Petrus dan Andreas yang sibuk menangkap ikan. Mereka sedang menebarkan jala ketika Yesus mengajak mereka menjadi penjala manusia. Mereka mengikuti Tuhan Yesus untuk membawa manusia kepada Tuhan, dan belajar firman daripada-Nya. Ke mana Yesus pergi mereka akan pergi juga. Kalau Tuhan Yesus mengusir Iblis, mereka juga belajar daripada-Nya.

Mereka tidak memegang erat kepada jala mereka walaupun itu rezeki hidup mereka. Segera, mereka mengikut Yesus yang pergi memanggil Yakobus dan Yohanes yang sedang membereskan jala. Tuhan Yesus memanggil mereka untuk meninggalkan jala itu dan mengikuti-Nya.

Tuhan Yesus tidak memanggil kamu untuk meninggalkan sekolah kamu. Kamu boleh mengikuti-Nya walaupun di sekolah. Kamu boleh melayani Tuhan Yesus sebagai murid yang setia. Kamu boleh belajar tentang Dia dan berusaha menceritakan Tuhan Yesus kepada kawan-kawan kamu di sekolah.



Doa: Aku mahu menjadi penjala manusia dan membawa kawan-kawan saya untuk mengenal Engkau.



Bacaan Alkitab: Yohanes 2:1-12

Ayat Mas: “Setelah pemimpin pesta itu mengecap air, yang telah menjadi anggur itu-dan dia tidak tahu dari mana datangnya, tetapi pelayan-pelayan yang mencedok air itu, mengetahuinya-dia memanggil mempelai laki-laki,” (Yohanes 2:9).

Lestari suka ke jamuan perkahwinan. Dia gembira melihat pengantin dan mempelai yang berpakaian cantik. Tambahan lagi, beraneka jenis kuih-muih dihidangkan untuk tetamu. Tarian-tarian dan lagu-lagu membuat suasana perkahwinan itu meriah.

Tuhan Yesus dan para murid-Nya pernah mengikut ibu Yesus ke jamuan perkahwinan. Mempelai berpakaian yang terbaik dan bersama sahabat handai, mereka berarak ke rumah pengantin. Sepanjang jalan, mereka menari, menyanyi dan bersorak sorai sehingga suasananya meriah sekali. Jamuan perkahwinan ini bukan sehari sahaja tetapi dirayakan selama tujuh hari.

Sewaktu mereka sedang makan, ibu Yesus memberitahunya bahawa mereka sudah tidak ada wain untuk tetamu. Kekurangan makanan dan minuman adalah sesuatu yang memalukan. Ibu Yesus pun berkata kepada Dia, “Mereka kehabisan air anggur.”

Tuhan Yesus menyuruh pelayan-pelayan untuk mengisi tempayan dengan air. Mereka mengisinya dengan air, kemudian Yesus suruh mereka mencedoknya untuk tetamu. Wah, air itu berubah menjadi wain yang terbaik bagi tetamu. Seorang tamu berkata, “Setiap orang menghidangkan anggur yang baik dahulu dan sesudah orang puas minum, barulah yang kurang baik; akan tetapi engkau menyimpan anggur yang baik sampai sekarang,” (Yohanes 2:10).



PERKAHWINAN DI KANAAN

Tuhan Yesus melakukan mukjizat pertama ini sebagai tandanya iaitu kemuliaan-Nya. Mukjizat itu salah satu tanda Dia Anak Allah yang berkuasa. Murid-murid Yesus percaya kepada-Nya selepas melihat mukjizat ajaib ini.



*Doa: Tuhan Yesus,
sesungguhnya Engkau
sungguh berkuasa melakukan
mukjizat luarbiasa.*



Hari 18

LAHIR KEMBALI



Bacaan Alkitab: Yohanes 3: 1-8

Ayat Mas: “Janganlah engkau hairan, kerana Aku berkata kepadamu: Kamus harus dilahirkan kembali,” (Yohanes 3:7).

Setiap anak yang percaya kepada Tuhan Yesus mempunyai kelahiran kedua. Hari jadi yang pertama terjadi sewaktu dia keluar daripada rahim ibu ke dunia ini. Hari jadi yang kedua, dia keluar daripada kegelapan ke Kerajaan Allah dan menyambut Yesus sebagai Juruselamat.

Nikodemus dalam Alkitab sering mendengar tentang mukjizat yang dilakukan oleh Tuhan Yesus. Dia seorang Farisi yang setia menurut semua aturan dan hukum agama. Dalam jiwanya, dia belum mengenal Tuhan Yesus secara akrab dan tidak tahu cara masuk ke dalam Kerajaan Allah. Suatu malam, dia mengunjungi Yesus. Pada waktu malam, biasanya tidak banyak orang tahu dia berjumpa dengan Yesus. Kalau orang Farisi lain tahu dia pergi bertanya Tuhan Yesus tentang Kerajaan Allah, mereka akan marahnya.

Nikodemus yakin Tuhan Yesus ialah guru yang diutus daripada Allah. Dia boleh menyembuh, melakukan mukjizat, berkuasa atas iblis dan ajaran-Nya luarbiasa. Tuhan Yesus berkata kepada Nikodemus, “Aku berkata kepadamu; sesungguhnya jika seseorang tidak dilahirkan kembali, dia tidak dapat melihat Kerajaan Allah.”

Nikodemus menduga dilahirkan kembali bererti masuk kembali ke rahim ibunya dan keluar semula. Kelahiran kedua dilakukan oleh Roh Kudus bukan ibunya. Tuhan Yesus berkata angin meniup semahunya dan kita tidak tahu ia dari arah mana. Demikian juga, Roh datang mencelik mata hati seorang anak. Saat itu seorang anak akan memahami Tuhan Yesus datang dari syurga untuk dirinya. Dosanya terhapus di kayu salib. Dia memulakan hidup baru saat itu dan bermula hidup yang kudus.

Doa: Roh Kudus, datanglah, aku ingin mengenal Tuhan Yesus dan memulakan hidup baru yang kudus.





Bacaan Alkitab: Yohanes 4:46-54

Ayat Mas: *“Kata Yesus kepadanya: “Pergilah, anakmu hidup! Orang itu percaya akan perkataan yang dikatakan Yesus kepadanya, lalu pergi,” (Yohanes 4:50).*

Status seseorang pun tidak dapat menyembuh penyakit tenat. Kadangkala hospital yang paling bagus seperti Subang Medical Center pun tidak dapat menyembuh orang yang menderita penyakit yang tidak dapat disembuhkan oleh ubat terbaik, atau doktor terbaik.

Pegawai istana di Kana sungguh sedih kerana kuasanya pun tidak dapat menolong anaknya yang sakit. Ketika dia mendengar Tuhan Yesus telah datang ke Galilea, imannya kepada Yesus menyebabkan dia berangkat secepat mungkin agar Yesus boleh datang menyembuh anaknya.

Ketika dia meminta Yesus untuk datang, Dia hanya berkata, “Pergilah, anakmu hidup!” Imannya sungguh kuat. Dia percaya walaupun tanpa melihat tandanya. Dia percaya Tuhan Yesus akan menyembuh anaknya seperti yang dikatakan-Nya saat itu tanpa ragu-ragu.

Tepat pada waktu Tuhan Yesus berkata “Anakmu hidup” saat itu juga anaknya sembuh menurut hamba-hambanya. Iman adalah dasar dari segala sesuatu yang kita harapkan dan bukti dari segala sesuatu yang tidak kita lihat (Ibrani 11:1).

Kita harus selalu mempunyai iman kukuh walaupun tiada tanda kerana janji Allah setia. Jangan sampai Tuhan Yesus berkata, “Jika kamu tidak melihat tanda dan mukjizat, kamu tidak percaya,” (Yohanes 4:48). “Iman adalah dasar dari segala sesuatu yang kita harapkan dan bukti dari segala sesuatu yang tidak kita lihat,” (Ibrani 11:1).



Doa: Aku mahu beriman selalu kepada-Mu Tuhan Yesus dan percaya walaupun tidak ada tanda.

Hari 20 AIR HIDUP



Bacaan Alkitab: Yohanes 4:1-15

Ayat Mas: *“tetapi barangsiapa minum air yang akan Kuberikan kepadanya, dia tidak akan haus untuk selama-lamanya. Sebaliknya air yang akan Kuberikan kepadanya, akan menjadi mata air di dalam dirinya, yang terus menerus memancar sampai kepada hidup yang kekal” (Yohanes 4:14).*

Pak Labu duduk di tanahnya yang gersang pada waktu kemarau sambil menangis. Semua sayurnya layu kerana tiada air. Dia tidak dapat menjualnya di pasar pada bulan ini. Bersama-sama penduduk di kampung mereka berdoa kepada Allah yang Maha Murah untuk hujan.

Suatu hari Tuhan Yesus berada dalam perjalanan kembali ke Galilea. Dia melintasi kawasan Samaria, orang Yahudi yang membenci orang Samaria, tidak akan datang ke sini. Orang Yahudi dan orang Samaria sudah menjadi musuh sejak zaman dahulu. Tuhan mengasihi segala bangsa dan Dia tahu seorang wanita Samaria sungguh haus.

Tuhan Yesus bersinggah di sumur Yakub kira-kira dua belas tengah hari. Ketika perempuan Samaria itu menurun baldi untuk menimba air, Tuhan Yesus meminta air daripadanya. Perempuan itu terkejut kerana orang Yahudi tidak bersahabat dengan orang Samaria. Tuhan Yesus memberitahunya bahawa kalau dia minum air yang diberikan oleh diri-Nya, dia tidak akan haus selama-lamanya.

Tanpa persahabatan dengan Tuhan Yesus, jiwa kita akan kosong dan gersang seperti tanah pada waktu kemarau. Berdoa dan datanglah kepada Tuhan Yesus selalu agar air hidup akan memancar daripada dirimu. Pohon yang tiada air pun akan layu apalagi manusia tanpa firman Tuhan. “Seperti rusa yang memerlukan sungai yang berair, demikianlah jiwaku merindukan Engkau, ya Allah,” (Mazmur 42:1).



Doa: Tuhan Yesus, aku mahu bersahabat dengan Engkau dan tidak mahu gersang jiwa selalu.

Hari 21

MESIAS ADA DI DEPAN MATAMU



Bacaan Alkitab: Yohanes 4: 16-28

Ayat Mas: *“Kata Yesus kepadanya: “Akulah Dia, yang sedang berkata-kata dengan engkau,” (Yohanes 4:26).*

Yasmin tidak kisah pergi ke gereja pekan di Temerloh yang sangat sederhana. Setiap kali, Yasmin pergi ke gereja untuk beribadat, dia tahu mereka semua menyembah Yesus, Bapa dan Roh dalam roh dan kebenaran. Kehidupan rohaninya semakin bertumbuh kerana di sini dia mengenal cara menyembah Allah dengan setulus hati.

Perempuan Samaria ini terkejut apabila Tuhan Yesus mengetahui rahsianya. Tuhan Yesus yang Maha Tahu bercakap-cakap dengan perempuan Samaria. Yesus memberitahu perempuan Samaria ini bahawa dia mempunyai lima suami dan yang tinggal bersama dia sekarang bukan suaminya.

Perempuan Samaria menduga bahawa Tuhan Yesus adalah seorang nabi. Dia ingin tahu lebih banyak tentang hidup dalam ibadat. Patutkah dia menyembah di gunung Samaria atau di Yerusalem. Ibadat yang sungguh-sungguh harus daripada hati yang menyembah Bapa dalam roh dan kebenaran. Allah juga Roh maka penyembah mesti menyembah dalam Roh dan kebenaran.

Perempuan Samaria juga tahu bahawa memang ada dinubuatkan bahawa Mesias yang disebut Kristus akan datang. Dia akan memberitahu mereka semua kebenaran. Tuhan Yesus memberitahu bahawa diri-Nya adalah Mesias yang dijanjikan. Perempuan Samaria itu percaya kerana Tuhan Yesus tahu segala mengenai hidupnya. Banyak orang di Samaria percaya kepada Yesus kerana mereka telah mendengar tentang Tuhan Yesus yang ajaib ini daripada perempuan Samaria.

Anak-anak, setelah kamu mengenal Tuhan Yesus, sebarkanlah kasih-Nya kepada kawan-kawan dan jiran-jiran kamu.

Doa: Tuhan Yesus, aku mahu menyembah Engkau dengan segenap hatiku dalam roh dan kebenaran.

Hari 22

BERKELAH BERSAMA YESUS



Bacaan Alkitab: Yohanes 6:8-13

Ayat Mas: “Di sini ada seorang anak, yang mempunyai lima roti jelai dan dua ikan; tetapi apakah ertinya itu untuk orang sebanyak itu?” (Yohanes 6:9).

Pada suatu hari 5,000 orang berkumpul bersama-sama untuk berkelah di danau Tiberias. Mereka berkelah bukan untuk bermain-main sahaja tetapi untuk mendengar ajaran Tuhan Yesus. Selain itu, mereka bukan bermain pasir dan melihat pokok kelapa melambai-lambai. Mereka datang melihat Tuhan Yesus melakukan mukjizat dan menyembuh orang yang sakit.

Filipus naik ke gunung bersama Tuhan Yesus dan duduk di sana. Ramai orang datang mendengar Yesus dan sudah tengah hari, mereka sudah lapar. Tuhan Yesus sengaja menguji Filipus, “Di manakah kita akan membeli roti supaya mereka ini dapat makan?” Bukankah Tuhan Yesus pernah berkata Filipus akan melihat hal-hal besar?

Filipus berkata mereka tidak cukup duit untuk membeli roti. Andreas berkata di sini ada seorang budak kecil mempunyai lima roti jelai dan dua ikan. Bagaimana ini mencukupi perut lima ribu orang? Budak kecil ini rela memberi semua yang ada padanya kepada Tuhan Yesus untuk dijadikan berkat orang ramai.

Tuhan Yesus mengambilnya dan mengucap syukur atas makanan itu. Makanan itu bertambah lebih sehingga berlebihan dua belas bakul. Kamu juga boleh seperti budak kecil itu. Berikan bakatmu kepada Tuhan Yesus walaupun mungkin sangat kecil. Dia akan menggunakan bakat kamu untuk menjadi berkat bagi banyak orang. Kamu akan seperti melihat hal-hal yang besar seperti Filipus.



Doa: Ambillah bakatku, waktuku mahupun milikku untuk dijadikan berkat bagi banyak orang.

Hari 23 SERUPA BAPA-KU



Bacaan Alkitab: Yohanes 8:16-19

Ayat Mas: “...Baik Aku, mahupun Bapa-Ku tidak kamu kenal. Jikalau sekiranya kamu mengenal Aku, kamu mengenal juga Bapa-Ku,” (Yohanes 8:19).

Daniel mirip ayahnya bahkan juga kadangkala kelakuannya. Cara dia bercakap pun serupa gaya bapanya. Mereka sama-sama suka makanan roti jantan. Maknya tersenyum apabila melihat Daniel memilih baju biru muda untuk dirinya. Perpatih Melayu berkata, “Bagaimana acuannya begitulah kuihnya.”

Tuhan Yesus berkata orang Farisi tidak mengenal diri-Nya, terang dunia, jadi mereka tidak mengenal Bapa Syurgawi. Kalau mereka mengenal Tuhan Yesus pasti mereka mengenal Bapa-Nya. Tuhan Yesus seperti bapa-Nya, adil, penuh kasih dan belas kasihan. Yesus mencerminkan sifat Bapa-Nya dalam banyak gerak geri-Nya.

Orang Farisi ini hanya mementingkan hal-hal yang kecil seperti cara kamu mesti membasuh tangan sebelum makan. Kalau keldai jatuh ke dalam longkang dan hari itu hari Sabat, bolehkah menyelamatkan keldai itu. Kalau butang jatuh pada hari Sabat bolehkah jahitnya kembali? Periuk ini pernahkah dicemari oleh orang bukan Yahudi? Mereka tidak mengenal Tuhan Yesus dan Bapa-Nya sebab mereka tidak pernah mahu mendengar ajaran Yesus. Sebaliknya, mereka mencari masalah dengan-Nya.

Anak-anak Tuhan harus semakin mirip Tuhan Yesus dan Bapa-Nya. Biarlah kita adil dan penuh kasih sayang seperti Yesus. Semakin kamu mengasihi Tuhan Yesus semakin awak akan menjadi serupa Dia. Mohonlah Tuhan Yesus setiap hari untuk berkelakuan seperti Dia dan minta Roh Kudus bagi kuasa untuk melawan dosa.



Doa: Tuhan Yesus, aku ingin semakin seperti Engkau yang baik, adil dan penuh kasih.



Hari 24

BERBAHAGIALAH ORANG YANG MISKIN



Bacaan Alkitab: Matius 5:1-3

Ayat Mas: *“Berbahagialah orang yang miskin di hadapan Allah, kerana merekalah yang empunya kerajaan syurga,” (Matius 5:3).*

Tuhan Yesus naik ke atas bukit, lalu mengajar murid-murid-Nya mengenai berbahagia. Apakah yang memberi kamu kebahagiaan? Anak-anak tertentu berbahagia kalau diberi gula-gula atau ais krim. Tuhan Yesus memberi satu senarai “berbahagia” yang tidak pernah kita sangka-sangka. Yang pertama, “Berbahagialah orang yang miskin di hadapan Allah, kerana merekalah yang empunya kerajaan syurga,” (Matius 5:3).

Kita mungkin merasa nasihat ini aneh. Bagaimanakah orang miskin boleh berbahagia. Bahagiakah kalau kita terpaksa tidur di kaki lima setiap hari serta menantikan huluran makanan? Bahagiakah kalau kolam kita tidak ada ikan keli untuk makanan tengah hari? Bolehkah kemiskinan boleh memberi kebahagiaan yang sejati?

Berbahagia menjelaskan suasana hati seorang anak yang memerlukan Tuhan. Miskin di sini bukan miskin kerana tiada wang tetapi miskin sebab dia rendah hati. Anak-anak ini menyedari bahawa mereka tidak baik dan tak layak di hadapan Tuhan. Anak-anak ini sangat memerlukan pertolongan Tuhan. Mereka menyedari hanya Tuhan dapat menolong dia yang “miskin” kebaikan untuk hidup kudus.

Anak-anak ini tidak bersifat angkuh dan berfikir mereka boleh hidup tanpa Tuhan dan pertolongan Tuhan Yesus. Hanya anak-anak yang menyedari bahawa mereka miskin dalam jiwa akan dikenyangkan oleh kasih Tuhan Yesus. “Jiwaku hancur kerana merindukan pelataran-pelataran TUHAN; hatiku dan dagingku bersorak-sorai kepada Allah yang hidup,” (Mazmur 84:3).



Doa: Tuhan Yesus, aku tahu aku miskin dan kurang kebaikan, aku perlu Engkau dalam hidupku.

Hari 25

BERBAHAGIALAH ORANG YANG BERDUKACITA



Bacaan Alkitab: Matius 5:4

Ayat Mas: *“Berbahagialah orang yang berdukacita, kerana mereka akan dihibur” (Matius 5:4)*

Bagaimana pula kita berbahagia kalau kucing kesayangan kita, Si Tompok, baru mati dan kita sedang bergelincangan airmata? Si Tompok yang buta sejak lahir telah terjatuh dalam longkang.

Mereka yang menangis ini bukan menangis kerana dukacita atas kematian atau kehilangan sesuatu. Mereka menangis kerana hati mereka sedih atas dosa dalam hidup mereka. Tuhan Yesus akan menghibur mereka yang menangisi atas dosa sendiri. Dengan ikhlas, mereka mahu Tuhan mengubahnya. Semangat baru untuk hidup bagi-Nya akan diberikan kepada mereka.

“Sebab beginilah firman Yang Maha Tinggi dan yang Maha Mulia, yang bersemayam untuk selamanya dan Yang Maha Kudus nama-Nya: “Aku bersemayam di tempat tinggi dan di tempat kudus tetapi juga bersama-sama oorang yang remuk dan rendah hati, untuk menghidupkan semangat orang-orang yang rendah hati dan untuk menghidupkan orang-orang yang remuk,” (Yesaya 57:15).

Mereka yang diampuni dosa dapat berbahagia penuh. Hati mereka diterangi dan mereka tidak lagi tinggal dalam kejahatan. “Jika kita mengaku dosa kita, maka Dia adalah setia dan adil, sehingga Dia akan mengampuni segala dosa kita dan menyucikan kita dari segala kejahatan” (1 John 1:9).

Berdukacita atas dosa adalah permulaan hidup yang baru dalam Tuhan Kristus Yesus.



Doa: Aku berseru, ya Tuhan Yesus, ampuni dosaku dan biar sukacita syurgawi memenuhi aku.





Bacaan Alkitab: Matius 5:5, Matius 11:28

Ayat Mas: *“Berbahagialah orang yang lemah lembut, kerana mereka akan memiliki bumi,” (Matius 5:5).*

Alan selalu bersikap kasar dan sering merebut segala sesuatu bagi diri sendiri. Pernah suatu hari, Alan dan kawan-kawannya berjalan-jalan di hutan dan ternampak pokok rambutan yang lebat. Alan yang berbadan tegap dan suara lantang berkata, “Buah-buahan pokok ini semuanya untuk saya dan keluarga saya. Saya akan memanggil keluarga saya untuk datang memetik. Awas! Kalau sesiapa berani sentuh buahnya!” Semua kawannya tidak suka bergaul dengan dia sejak hari ini kerana dia suka merebut-rebut bagi diri sendiri.

Lemah lembut yang disebutkan oleh Tuhan Yesus bererti rendah hati dan juga baik hati. Kalau kita ternampak pokok buah rambutan yang lebat, kita memikirkan semua kawan yang boleh berpesta bersama-sama. Kalau ada petai kita juga petik dan memberi kepada jiran kita. Kita mengutamakan orang lain dan tidak memetik rambutan lalu simpan ke bakul sendiri.

Alkitab memberi contoh Abraham yang lemah lembut dan baik hati terhadap anak saudara-Nya. Pada suatu hari Abraham berkeputusan ke Tanah Negeb bersama isterinya dan Lot, anak saudaranya. Abraham sangat kaya dan mempunyai sangat banyak domba dan harta. Demikian juga Lot yang kaya raya dan mempunyai banyak hamba dan ternakan.

Abraham berkata kepada Lot, “Bukankah seluruh negeri ini terbuka untuk engkau? Baiklah pisahkan dirimu daripadaku; jika engkau ke kiri, maka aku ke kanan, jika engkau ke kanan, maka aku ke kiri,” (Kejadian 13:9). Dia sungguh lemah lembut dan rela Lot untuk memilih terlebih dahulu.



BERBAHAGIALAH ORANG YANG LEMAH LEMBUT

“Tetapi orang-orang yang rendah hati akan mewarisi negeri dan bergembira kerana kesejahteraan yang berlimpah-limpah” (Mazmur 37:11). Anak-anak yang rendah hati dan tidak merebut-rebut akan disayangi orang lain, dan mereka akan berbahagia.



Doa: Tuhan Yesus, aku ingin selalu rendah hati dan bertimbang rasa terhadap orang lain.



BERBAHAGIALAH ORANG YANG LAPAR DAN HAUS AKAN KEBENARAN



Bacaan Alkitab: Matius 5:1-3

Ayat Mas: *“Berbahagialah orang yang lapar dan haus akan kebenaran, mereka akan dipuaskan,” (Matius 5:6).*


Don begitu lapar di sekolah sehingga membayangkan ayam penyot berterbangan ke mejanya. “Kalau lepas sekolah, aku akan berlari-lari ke warung Mak Mina dan makan ayam penyot sehingga puas-puas,” pikirnya. Wah, masih ada tiga jam lagi sebelum mereka pulang sekolah.

Tuhan Yesus berkata orang yang lapar dan haus akan kebenaran dalam firman-Nya akan dipuaskan. Kita haus berbuat yang baik dan betul seperti yang disebutkan dalam Alkitab. Kita tidak haus dan lapar akan film-film yang banyak memaparkan kisah bunuh membunuh dan kengerian. Kita tidak haus membaca buku novel yang diwarni babak bunuh membunuh.

Anak-anak yang mengasihi Tuhan lapar akan kebenaran. “Seperti rusa yang merindukan sungai yang berair, demikianlah jiwaku merindukan Engkau, ya Allah. Jiwaku haus kepada Allah, kepada Allah yang hidup,” (Mazmur 42:1-2). Orang yang haus akan kebenaran semakin mirip Tuhan Yesus dalam sifatnya. Kalau kamu sungguh-sungguh haus dan lapar untuk berbuat yang benar dan betul, Tuhan Yesus akan mengajar kamu.

Kamu akan dipuaskan dengan buah-buah kebaikan dan kebenaran. Orang di sekeliling kamu akan menerima berkat kebenaranmu, berbanding orang yang haus akan kejahatan.

Doa: Tuhan Yesus, ajarlah aku untuk berbuat yang betul dan benar setiap hari. Aku mahu semakin mirip kamu yang benar dan baik.





Bacaan Alkitab: Matius 5:7,
Matius 18:21-35

Ayat Mas: *“Berbahagialah orang yang murah hatinya, kerana mereka akan beroleh kemurahan,” (Matius 5:7).*

Bobby sangat marah dengan Sean yang telah sengaja merosakkan basikalnya namun berpura-pura tidak tahu akan hal ini. Sewaktu binatang kesayangan Sean, seekor arnab coklat muda bermain di halaman rumah, Bobby memukul kepalanya. Adakah Bobby bersikap murah hati dan mengasihani?

Kita berbelas kasihan atau bermurah hati kepada orang yang bersalah dengan tidak membalas setimpal. Walaupun tidak menerima balasan yang sama, kita tetap menunjuk belas kasihan kita. Kita melihat Tuhan Yesus selalu didorong oleh belas kasihan kepada orang lain.


Dalam perumpamaan Matius 18:21-35 menceritakan seorang Raja yang berbelas kasihan dan bermurah hati terhadap hambanya. Dia membatalkan hutang hambanya itu. Raja itu tahu dia tidak dapat melunaskan hutangnya. Tetapi, apabila hamba itu bertemu dengan hamba lain yang berhutang sedikit dengannya; dia tidak berbelas kasihan. Dia menangkap dan mencekik kawannya serta menyerahkan hamba itu untuk dipenjarakan.

Tuhan Yesus sudah berbelas kasihan terhadap kita. Dia sudah membatalkan hutang dosa kita yang besar. Baiklah kita mengampuni dosa kawan kita juga seperti Tuhan Yesus yang murah hati terhadap kita. Jangan menyimpan dendam dalam hati kamu walaupun kejahatan kawanmu itu sungguh besar.



Doa: Tuhan Yesus, ajarlah aku selalu berbelas kasihan dan tidak membalas dendam kepada mereka yang berbuat jahat terhadap aku.





Bacaan Alkitab: Matius 5:8

Ayat Mas: *“Berbahagialah orang yang suci hatinya, kerana mereka akan melihat Allah,” (Matius 5:8).*

Ibu Salmah mengeluh tentang anaknya, Sudin yang semakin degil tidak takut akan rotan. Hatinya bagai durian! Apa? Bagaimana pula macam durian? Ibu Salmah berkata hati anaknya keras bagai durian ataupun batu. Bagaimana menolong Sudin ya? Bolehkah ayah Sudin menolong Sudin melembutkan hatinya?

Hati ialah perasaan, fikiran dan kemahuan kita.

Nabi Yeremia memberitahu manusia sejak zaman dahulu, “Betapa liciknya hati, lebih licik daripada segala sesuatu, hatinya sudah membatu: siapakah yang dapat mengetahuinya?” (Yeremia 17:9) Hati kita punca segala yang jahat. Hati kita sudah membatu kerana dosa kita .

Sejak Adam dan Hawa jatuh, dosa tinggal dalam hati kita. Hanya Tuhan Yesus yang dapat memberi kita hati yang baru dengan menghapuskan dosa dalamnya. Yesus menyucikan jiwa kita, lalu mencurahkan hidup baru dalam setiap bahagian hidup kita. Hati kita menjadi lembut. “Jadi siapa yang ada di dalam Kristus, dia adalah ciptaan baru: yang lama sudah berlalu, sesungguhnya yang baru sudah datang” (2 Korintus 5:17).

Kita tidak boleh mendua hati kita. Ikutlah Allah, dengan segenap hati. “Mendekatlah kepada Allah, dan dia akan mendekati kepadamu. Tahirkanlah tanganmu, hai kamu orang-orang berdosa! Dan sucikanlah hatimu, hai kamu yang mendua hati” (Yakobus 4:8).

Doa: Tuhan Yesus, aku serahkan hatiku yang keras dan berdosa kepada-Mu, sucikan aku supaya hatiku kudus.





Bacaan Alkitab: Matius 5:9

Ayat Mas: *“Berbahagialah orang yang membawa damai, kerana mereka akan disebut anak-anak Allah,” (Matius 5:9).*

Charles sungguh muram di sekolah kerana kawan-kawannya suka berperang mulut. Mereka tidak berminat membawa damai, lebih suka bergaduh dan mencari cerita baru untuk berperang mulut dalam kelas. Sewaktu mereka keluar dari kelas mereka saling membaling kulit duku. Menjadi pembawa damai bolehkah? Jangan harap. Kelakuan mereka banyak mengganggu murid-murid yang baik dan yang mahu belajar.

Tuhan Yesus membawa damai antara manusia yang bermusuhan dengan Allah yang Maha Kudus oleh kerana dosa mereka. Nabi Yesaya jauh-jauh hari sebelum Yesus datang ke dunia ini bernubuat, “Sebab seorang anak telah lahir untuk kita; lambang pemerintahan ada di atas bahunya, dan namanya disebutkan orang: Penasihat Ajaib, Allah yang Perkasa, Bapa yang kekal, Raja Damai,” (Yesaya 9:5).


Sebagai anak-anak Raja Damai patutlah kita mengikutinya. Jadilah pembawa damai. Tuhan Yesus ingin semua anak-Nya berdamai dengan orang lain serta menjauhi pergaduhan. Dia bersabda, “tinggalkanlah persembahanmu di depan mezbah itu dan pergilah berdamai dahulu dengan saudaramu, lalu kembali untuk membuat persembahanmu itu” (Matius 5:24). Kalau kamu sedang beribadat dan teringat seseorang tidak gembira dengan kamu, pergilah berdamai.

Anak-anak jadilah pembawa damai di keluarga mahupun sekolah kamu agar damai Tuhan boleh dilihat dalam dirimu.



Doa: Raja Damai, aku ingin mengikut teladan-Mu dan menjadi pembawa damai.





Bacaan Alkitab: Matius 5:10-12

Ayat Mas: *“Berbahagialah orang yang dianiaya oleh sebab kebenaran, kerana merekalah empunya Kerajaan Syurga,” (Matius 5:10).*

Khalid tercegang pada suatu pagi apabila dia ke sekolah minggu. Gerejaanya dirobohkan dan Alkitabnya dirampas. Hanya tinggal puing-puing! Dia menangis kerana minggu yang lalu baru dia mewarnai Yunus tertelan ikan. Cikgunya baru melekatnya di dinding gereja. Kini bersama kraf tangannya yang berwarna-warni lukisannya tertindih bawah tembok-tembok yang dirobohkan. Semua penduduk berdiri kaku ketika puing-puing berselerakan. Kenapakah ini terjadi walaupun mereka tidak melakukan sebarang kesalahan melainkan menyembah Tuhan Yesus, Bapa dan Roh Kudus.

Tuhan Yesus telah memberitahu para murid-Nya bahawa Dialah yang menyebabkan dunia tidak menganiaya mereka. Sewaktu Yesus datang ke dunia Dia menghadap manusia yang berdosa. Dia memberitahu mereka bagaimana diselamatkan daripada dosa. Sebaliknya, mereka mencela Yesus dan menganiaya Dia. Tuhan Yesus sudah memberitahu kita, “Ingatlah apa yang telah kukatakan kepadamu: Seorang hamba tidaklah lebih tinggi daripada tuannya. Jikalau mereka telah menganiaya Aku, mereka juga akan menganiaya kamu; jikalau mereka telah menuruti perkataan-Ku, mereka juga akan menuruti perkataanmu,” (Yohanes 15:20).

Kita mungkin kehilangan gereja kita yang baru kita ganti buluh dan atapnya. Tuhan Yesus mengingat kita bahawa kita ada rakyat syurgawi. Walaupun kita dianiaya di dunia, kita akan menerima upah-Nya di syurga (Matius 5:12). Menangislah tetapi bersukacita kerana upahmu besar di syurga!



BERBAHAGIALAH OLEH ORANG YANG DIANIAYA

“Sebaliknya, bersukacitalah, sesuai dengan bahagian yang kamu dapat dalam penderitaan Kristus, supaya kamu juga boleh bergembira dan bersukacita pada waktu Dia menyatakan kemuliaan-Nya,” (1 Petrus 4:13)



Doa: Tuhan Yesus, ketika aku dan gerejaku dianiaya, aku bergembira kerana Engkau bersama aku dan upahku besar di syurga.



Hari 32

YANG PALING UTAMA



Bacaan Alkitab: Lukas 14:7-11

Ayat Mas: *“Sebab barangsiapa meninggikan diri, Ia akan direndahkan dan barangsiapa merendahkan diri, ia akan ditinggikan,” (Lukas 14:11).*

“Siapakah yang terpenting?” ayam jantan berkokok. “Setiap pagi saya yang menyambut fajar dengan suara merdu. Kalau tidak aku, semua masih asyik tidur!”

“Jangan lupa siapa yang menyediakan pagi setiap pagi ya!” ujar ayam betina sambil mengoyang punggungnya.

“Telur tanpa mentega dan susu mana sedap. Jadi siapa yang penting di sini?” kata lembu dengan berkelip mata coklatnya.

“Jangan lupa, bulu saya yang memberi pakaian. Tentu mereka akan telanjang dan berdinginan tanpa bulu saya,” kata domba yang pasti dia terpenting.

“Tunggu siapa yang menangkap tikus yang jijik dan berpenyakit typhus itu? Kononnya kamu semua penting,” kata kucing.

“Yang terpenting sayalah, keselamatan jangan dianggap remeh,” kata anjing.

Pada ketika itu, petani melewati kandang itu dan terdengar riuh-rendah mereka. “Siapakah yang terpenting di sini kalau bukan saya. Kalau bukan saya, kamu semua tidak ada makanan,” kata petani itu.

Tuhan Yesus menasihati kita untuk merendahkan diri supaya kita akan ditinggikan Allah. Orang yang angkuh dan meninggikan diri sering tersandung.

Doa: Tuhan Yesus, ketika aku dan gerejaku dianiaya, aku bergembira kerana Engkau bersama aku dan upahku besar di syurga.





Bacaan Alkitab: Lukas 10:38-42

Ayat Mas: *“tetapi hanya satu saja yang perlu: Maria telah memilih bahagian yang terbaik, yang tidak akan diambil daripadanya,” (Lukas 10:42).*

Guru besar Alice mahu datang ke rumahnya untuk makan malam apakah hidangannya? Bapa Alice pergi ke Kuala Selangor untuk mencari ikan siakap yang segar. Ibunya memasak sup ekor yang sedap dan kuih ubi kayu yang sedap-sedap. Sewaktu Puan Matilda datang, ibu bapa Lina sibuk di dapur sehingga lupa berkenalan dengannya.

Sewaktu Tuhan Yesus datang ke rumah Marta, kerja tertumpuk di dapur. Dia belum menyangi ikan, ayam belum disembelih, sayur-sayuran belum dibasuh dan cili belum ditumbuk. Dia berpeluh dan mengeluh, “Mana Maria? Kenapa dia tidak tolong aku di dapur? Nak tamu makan apa?”

Maria sedang mendengar ajaran Tuhan Yesus dengan teliti. Dia mengambil kesempatan ini untuk belajar daripada Maha Guru. Ajaran-Nya bagai jamuan bagi jiwa-Nya. Dia tidak khuatir dengan ayam dan ikan di dapur. Asyik dimakannya firman Tuhan yang disampaikan Yesus.

Marta ingin Maria menyangi ikan atau menyembelih ayam. Yesus berkata, “Tetapi hanya satu saja yang perlu: Maria telah memilih bagian yang terbaik, yang tidak akan diambil daripadanya”(Matius 10:42)

Anak-anak terlalu sibuk. Ikut pasukan bola sepak, tarian Satu Malaysia, kelas buat kuih dodol, kelas rangkai bunga tetapi satu yang perlu dibuat dilupakan saja. Apa itu? Baca firman Tuhan dan mengadakan renungan peribadi!



Doa: Tuhan Yesus, aku mahu selalu melakukan satu hal yang penting iaitu membaca firman-Mu dan merenunginya.





Bacaan Alkitab: Lukas 14:34-35

Ayat Mas: *“Kamu adalah garam dunia. Jika garam itu menjadi tawar, dengan apakah ia diasinkan? Tidak ada lagi gunanya selain dibuang dan diinjak orang” (Matius 5: 13)*

John Wesley yang dididik dalam Tuhan Yesus oleh ibunya adalah contoh “garam” dunia. Sejak berumur lima tahun lagi dia sudah menerima didikan Kristian daripada ibunya, Susanna Wesley. Dia belajar bahasa Yunani dan Latin dengan sungguh-sungguh dan telah pergi belajar di Universiti Oxford pada umur 16 tahun.

Pada tahun 1738, kasih anugerah Tuhan datang ke dalam hidupnya apabila di suatu tempat bernama Aldergate. Apabila dia sedang mendengar Rom 8, dia berkata, “Aku merasa hatiku merasa hangat dengan luarbiasa.” Waktu ini John Wesley disentuh oleh kasih Tuhan yang mengubah hidupnya.

Ketika John Wesley hidup di Britain, manusia hidup melarat dan sangat miskin. Mereka sering bermabuk, bergaduh dan hidup tanpa moral. John Wesley banyak memberitakan firman Tuhan kepada mereka di lapangan terbuka. Dia menasihati mereka untuk mengubah kehidupan peribadi. Mereka perlu tinggalkan tabiat yang berdosa. Juga, mereka mesti bermula hidup yang baru. John Wesley mengajak mereka ke kelompok sel dan ubah pandangan mereka terhadap wang. Dia selalu menasihati pengikut-pengikutnya menjadi garam dunia:

Jangan mendatangkan bahaya kepada orang lain.

Lakukan sebanyak kebaikan sebanyak kamu boleh.

Gunakan semua kasih anugerah yang diberikan oleh Tuhan.




GARAM DUNIA

Anak-anak adalah garam yang membuat dunia ini tempat yang lebih indah kerana kehadiran kamu. Cinta kamu terhaap Yesus juga akan mengubah sekeliling kamu biar itu di sekolah mahupun di rumah.



Doa: Tuhan Yesus, tolonglah aku menjadi garam di sekolah aku sehingga kawan-kawanku mengenal Engkau.





Bacaan Alkitab: Matius 5:43-47

Ayat Mas: “*Tetapi Aku berkata kepadamu: Kasihilah musuhmu dan berdoalah bagi mereka yang menganiaya kamu,*” (Matius 5:44).

Asmi hari ini sedih di sekolah kerana kawannya Kim selalu mengganggu dia dan memanggil dia Si Bawang kerana hidungnya besar.

“Bencinya menengok mata Kim yang sepet!” kata Asmi.

“Kenapa wajahmu muram sekali Asmi? Kenapa pula kejam terhadap Kim?” tanya mak yang baru cari pucuk ubi di bukit.

“Si mata sepet itu saya benci. Dia asyik ketawakan saya kerana hidung bawang saya!”

“Asmi, jangan lupa Tuhan Yesus suruh kita mengasihi musuh kita. Ingat tak sewaktu Tuhan Yesus di kayu salib Dia masihi mengampuni musuh-Nya,” kata ibunya.

Anak-anak, mintalah Tuhan memberi kamu kekuatan untuk mengasihi musuhmu. Kalau musuhmu lapar di sekolah, berilah dia kentang manis kalau kamu ada bawanya ke sekolah. Ini akan membuat musuhmu terkejut dan tertanya-tanya kenapa kamu berbeza daripada orang lain!



Doa: Tuhan, tolonglah saya mengasihi dan berbuat baik kepada musuh saya.



Hari 36

SIANG MALAM AKU KHUATIR



Bacaan Alkitab: Matius 6:25-34

Ayat Mas: “Sebab itu janganlah kamu kkuatir dan berkata: *Apakah yang akan kami makan? Apakah yang kami minum? Apakah yang akan kami pakai?*” (Matius 6:28).

Apin kkuatir dengan markah ujiannya. Sebenarnya, dia sudah belajar dan menjawab sebaik mungkin. Bukan markah ujian yang kkuatirnya sahaja, dia kkuatir akan wang sakunya tak cukup. Dia juga kkuatir anak-anak itik maknya akan disambar burung helang. Dia kkuatir kalau-kalau satu hari salji turun di Mentakab dan semua padi layu.

Sewaktu Tuhan Yesus berada di dunia, Dia mengajar murid-murid-Nya jangan kkuatir dengan apa yang perlu dimakan atau diminum oleh mereka. Dia membawa mereka melihat bunga bakung dan burung-burung yang selalu dipelihara oleh Bapa Syurgawi. Semuanya tidak perlu dikkuatiri kita yang mengasihi Tuhan kerana Tuhan memberi secukupnya.

Kkuatir bererti kita tidak berharap dan percaya kepada kebaikan Tuhan. Doa selalu dan jangan kkuatir tanpa sebab. Kalau kamu kkuatir, fikirkan Bapa Syurgawi yang memelihara semua bunga dan burung. Kamu lebih baik rajin berdoa dan berkerja daripada tidur dan kkuatir sahaja.

Anak-anak yang perlu kita cari ialah Kerajaan Allah. “Tetapi carilah dahulu Kerajaan Allah dan kebenarannya, maka semuanya itu akan ditambahkan kepadamu,” (Matius 6:33). Walaupun makanan dan minuman itu penting, tetapi jangan kkuatir terlalu tentang semuanya ini. Tuhan Yesus berkata, “Semua itu dicari bangsa-bangsa yang tidak mengenal Allah. Akan tetapi Bapamu di syurga tahu, bahawa kamu memerlukan semuanya itu,” (Matius 6:32).



Doa: Tuhan Yesus, saya tidak mahu selalu kkuatir kerana Engkau selalu menjaga saya.





Bacaan Alkitab: Matius 6: 5-11

Ayat Mas: “Kerana itu berdoalah demikian: Bapa kami di syurga. Dikuduskanlah nama-Mu” (Matius 6:9).

Rajendra selalu sedih kerana dia tidak pernah melihat wajah bapanya sejak lahir. Adakala dia rindu suara seorang ayah yang telah dipanggil ke rumah Allah Bapa. Ibunya selalu menghibur hati Rajendra dan memberitahunya tentang Bapa Syurgawi yang mengasihinya.

Tuhan Yesus mengajar para muridnya untuk memanggil Allah sebagai Bapa. Bagi para murid-Nya itu sesuatu yang baru sebab mereka tidak pernah memanggil Allah sebagai Bapa. Orang Yahudi biasa memanggil Dia Yahweh, Yang Maha Kuasa, Yang Maha Kudus, dan Yang Maha Tahu.

Allah menjadi Bapa Syurgawi kita sewaktu kita menerima Tuhan Yesus dan dosa diampuni-Nya. Kita berani memanggil Allah, Bapa dan datang di hadapan-Nya. Kita bukan lagi anak yatim tetapi anak kesayangan-Nya. Kita tidak perlu kkuatir keperluan seharian kerana Bapa tahu kita memerlukannya.

“Dikuduskan nama-Mu” tidak bererti Tuhan Yesus mengajar kita berdoa agar nama Allah kudus. Allah sudah Maha Kudus. Kita memuji Allah yang kudus dan meminta kekudusan-Nya selalu hadir dalam hidup kita. Kita menjadi kudus apabila kita menurut Tuhan Yesus dan firman-Nya. Tuhan Yesus pernah berdoa, “Kuduskanlah mereka dalam kebenaran; firman-Mu adalah kebenaran” (Yohanes 17:17).

Doa: Ya Bapa Syurgawi, aku memuji Engkau yang selalu memelihara aku. Kuduskan aku dan biar Kerajaan-Mu datang dalam hidupku.





Bacaan Alkitab: Matius 7: 24-27

Ayat Mas: *“Tetapi setiap orang yang mendengar perkataan-Ku ini dan tidak melakukannya, dia sama dengan orang yang bodoh, yang mendirikan rumahnya di atas pasir,” (Matius 7:26).*

Martina rajin ke sekolah minggu serta rajin mendengar khutbah sewaktu Pastor Mattias berkhotbah. Dia tidak lamban belajar jadi bijak walaupun dia seorang anak. Segala yang dibelajarnya, digunakan dalam kehidupan sehari-hariannya. Di sekolahnya budak-budak lain suka membuli anak yang lebih kecil. Martina teringat Allah itu kasih maka dia berusaha melindungi dan mengasahi mereka.

Martina bagai membangun rumahnya di atas batu. Batu itu Tuhan Yesus dan firman-Nya membuat Martina kuat dalam sifatnya. Walaupun kadangkala Martina diperli oleh kawan-kawan yang tidak mengenal Yesus, dia tetap teguh atas batunya. Dia membesar sebagai wanita yang tidak mudah kalah kepada kejahatan dunia.

Elena tidak pernah bersungguh-sungguh dengan imannya. Walaupun dia hadir di gereja, hatinya melayang ke tempat lain. Firman Tuhan yang didengarnya masuk dari telinga kiri dan keluar telinga kanan. Sewaktu remaja, dia ditawarkan sejumlah wang, langsung dia menukar kad pengenalannya ke agama lain. Dia bagai Pembina yang membangun rumah di atas pasir, apabila angin dan banjir datang, rumah itu roboh.

Anak Tuhan yang malas berdoa dan membaca firman-Nya meletakkan asas yang mudah roboh. Anak Tuhan yang rajin akan membangun atas asas yang kukuh. Jangan malas.



Doa: Tuhan Yesus, aku tidak mahu seperti pembina rumah yang bodoh itu, tetapi aku mahu membangun imanku sehingga kukuh di atas batu.





Bacaan Alkitab Matius 8:23-27

Ayat Mas: *“Dan hairanlah orang-orang itu, katanya: “Orang apakah Dia ini, sehingga angin dan danau pun taat kepada-Nya,” (Matius 8:27).*

Zamry membaca suratkhbar tentang Tsunami besar yang menyerang Kota Aceh seperti berjutaan harimau yang mengaum. Manusia boleh mencipta kereta, kapal terbang, roket dan bangunan tinggi tetapi tidak dapat mengawal taufan, badai dan cuaca. Sewaktu Tuhan Yesus tinggal di dunia, Dia dapat menguasai alam kerana Dia Pencipta alam.

Laut Galilee, sebuah tasik besar yang berwarna biru, tenang hari itu. Bersama dengan beberapa murid-Nya, Tuhan Yesus suka berjalan di tepi tasik besar ini. Dia mengajar mereka mengenai Kerajaan Allah sewaktu berjalan-jalan di sini. Suatu hari banyak orang mahu mendengar ajaran Tuhan Yesus. Mereka berdukk di tepi tasik sepanjang hari sementara Tuhan Yesus duduk dalam perahu di tepi tasik dan mengajar mereka. Apabila matahari terbenam, mereka semua pulang ke rumah.

“Mari kita ke seberang tasik,” pesan Tuhan Yesus kepada murid-murid-Nya.

Tuhan Yesus tertidur kerana sungguh letih. Tiba-tiba angin meniup dan badai mengancam. Semua murid-Nya fikir mereka akan tenggelam. Tuhan Yesus bangun lalu menenangkan ombak dan badai itu. Semua muridnya terkagum dan berkata, “Orang apakah Dia ini, sehingga angin dan danau pun taat kepada-Nya?”

Yesus bukanlah manusia yang sahaja, Dia Pencipta alam. Badai dan ombak pun tunduk kepada suara-Nya. Serahkan badai hidupmu kepada Dia yang mampu menenangkan ombaknya dan memberi kamu damai sejahtera.



Doa: Tuhan Yesus, bantulah kami supaya jangan takut kerana Engkau menjaga kami dan menenangkan badai hidup saya.

Hari 40

DOSAMU DIAMPUNI



Bacaan Alkitab: Matius 9:1-8

Ayat Mas: *“Tetapi supaya kamu tahu, bahawa di dunia ini Anak Manusia berkuasa mengampuni dosa-lalu berkatalah Dia kepada orang lumpuh itu: “Bangunlah, angkatlah tempat tidurmu dan pulang ke rumahmu!” (Matus 9:6).*

Tuhan Yesus Maha Tahu, Dia tahu segala yang tersembunyi dalam hati kita. Walaupun kita berbisik sahaja, Dia pun tahu apa yang kita katakan. Apabila Tuhan Yesus berkata kepada orang lumpuh, “Percayalah, hai anakku, dosamu sudah diampuni” ada orang Farisi tidak gembira. Mereka merasa hanya Tuhan boleh berkata demikian dan Yesus sedang menghujat nama Tuhan.

Tiada orang di dunia ini dapat mengampuni dosa kita; hanya Tuhan Yesus yang sempurna, tiada berdosa dan Tuhan yang kudus dapat mengampuni dosa. Yesus mengajar dengan penuh kuasa penyembuhan. Kalau tubuh kita sudah sembuh namun dosa kita tidak diampuni, tiada bergunlah.

Kalau kamu sakit dan tidak dapat berjalan, jangan sedih. Dosa kamu diampuni Tuhan Yesus. Kamu perlu bergembira dan hidup bebas daripada dosa. Muliakan Tuhan Yesusmu dalam tubuh kamu yang lemah ini. Ucapan puji syukur kepada Tuhan setiap hari dan mengetahuilah kamu sangat berharga kepada Tuhan.

Walapun tubuh cacat, kita tetap dapat memuliakan Tuhan Yesus dengan cara kita hidup. Biar segala yang kita lakukan memancarkan Tuhan yang sempurna dan tidak ada kekurangan. Itulah kekuatan hidup anak Tuhan yang cacat jasmani. Doalah, Tuhan Yesus muliakan diri-Mu dalam tubuhku yang lemah ini.



Doa: Tuhan Yesus, terima kasih kerana dosaku sudah diampuni. Aku ingin memuliakan Tuhan dengan tubuh yang lemah ini.



Hari 41

AWAK BERTHARGA



Bacaan Alkitab: Matius 10:20-31

Ayat Mas: *“Oleh itu, janganlah takut! Di sisi Allah, kamu lebih berharga daripada banyak burung pipit,” (Matius 10:31).*

Burung pipit berterbangan di mana-mana dan sering dikira burung murah. Di taman bunga, di padang, di pokok-pokok pun ada burung pipit. Kalau burung helang melingkari di awam, kita melihatnya dengan penuh kagum. “Wah, sayapnya yang kuat dan matanya yang tajam.

Walaupun burung pipit sungguh kecil namun berharga kepada Bapa Syurgawi. Tuhan Yesus berkata kalau seekor burung pipit jatuh, Bapa Syurgawi mengetahui hal ini. Sekalipun manusia menjual burung pipit dengan harga murah, Bapa Syurgawi anggapnya sungguh berharga.

Anak-anak sungguh berharga kepada-Nya bagi burung pipit. Kita tidak perlu takut kepada sesiapa yang ingin menakutkan kita sebab iman kita. Kalau ada musuh datang menakutkan kamu seraya berkata, “Kamu tidak boleh menyebut nama Yesus di kampung ini, jangan takut.”

Jika ada orang dewasa yang tidak pedulikan kamu kerana kamu seorang anak, jangan bersedih. Anak-anak kecil sungguh berharga di pandangan matanya. Setiap urat rambut kamu pun dihitungnya apalagi dirimu. Tuhan Yesus pernah berkata, “Biarlah anak-anak itu datang kepada-Ku dan jangan menghalang-halangi mereka, sebab orang-orang yang seperti itulah empu Kerajaan Allah,” (Matius 18:16).



Doa: Bapa Syurgawi, aku berterima kasih kerana Engkau mengasihi aku dan aku tidak perlu takut.



Hari 42

YANG KECIL BERTUMBUH



Bacaan Alkitab: Matius 13:31-32

Ayat Mas: *“Yesus menceritakan sebuah perumpamaan lain kepada mereka, “Apabila Allah memerintah, keadaannya seperti sebutir biji sawi yang diambil oleh seseorang, lalu ditanam di ladang,” (Matius 13:31).*

Pernahkah awak menanam pokok durian? Pokok durian yang tinggi dan yang berbuah-buah durian yang sedap asalnya daripada satu benih. Benihnya tidak terlalu besar tetapi apabila benihnya membesar, ia menjadi pokok besar. “Amboi tingginya!” “Sedap dan harum buahnya!” Tupai-tupai pun ingin memakannya tetapi kulitnya terlalu keras.

Tuhan Yesus memang seorang guru yang sangat pandai dan bijak. Kalau Dia berjalan-jalan, Dia menggunakan benih, bunga, burung dan padang sebagai contoh. Suatu hari Tuhan Yesus menceritakan tentang sebutir benih yang sungguh kecil tetapi kalau ditanam di ladang, ia akan bertumbuh sehingga sungguh tinggi. Benih itu menceritakan Kerajaan Allah yang berkembang daripada yang kecil menjadi besar.


Anak-anak mungkin kecil dan tidak terlalu tinggi. Biarlah kerajaan syurga dan iman bertumbuh dalam hatimu. Imanmu mungkin mula-mulanya seperti benih tetapi kelak hari kamu akan dipakai oleh Tuhan. Kalau kamu membaca Alkitab, berdoa, mengasihi dan menurut Tuhan Yesus, iman kamu akan bertumbuh. Pastikan Kerajaan Allah yang bagai benih dalam dirimu akan bertumbuh besar seperti pokok yang besar dan menjulang tinggi.

Biar benih iman kamu bertumbuh selalu sehingga kamu boleh melayani dengan baik.



Doa: Ya Tuhan Yesus, aku mahu benih iman dan kerajaan Tuhan dalam aku bertumbuh sehingga aku kuat dalam iman.





Bacaan Alkitab: Matius 13:1-23

Ayat Mas: *“Yang ditaburkan di tanah yang baik ialah orang yang mendengar firman itu dan mengerti, dan kerana itu ia berbuah, ada yang seratus kali lipat, ada yang tiga puluh kali lipat,” (Matius 13:23).*

Mawar suka tanam cili padi tetapi apa daya, sebelum maknya sempat memetikinya untuk membuat sambal belacan atau umai-umai, burung sudah berpesta. Suatu hari, dia berusaha menanam tembikai. Pohonnnya bertumbuh dengan begitu cepat, air liur Mawar meleleh! Aduhai, tak disangkanya, setelah beberapa hari pohonnnya layu kerana tanahnya berbatu-batu!

Tuhan Yesus pernah mencerita tentang seorang penabur benih yang menabur benih. Benih-benih itu melambangkan firman Tuhan yang disampaikan kepada pendengar. Burung yang mengambil benih-benih itu melambangkan Iblis yang mencuri firman Tuhan daripada hati pendengarnya.

Benih-benih yang jatuh pada tanah berbatu-batu, bertumbuh pesat namun layu segera. Pendengar jenis ini menyambut dengan cepat firman-Nya tetapi apabila hari-hari kesusahan menimpa, dia segera jatuh daripada imannya. Kemudian ada pula benih-benih yang bertumbuh tetapi tercekik oleh lalang. Jenis pendengar firman Tuhan ini selalu rusing akan wang dan hal-hal duniawi sehingga firman Tuhan tercekik.

Benih-benih terakhir jatuh di dalam tanah yang subur. Semua akarnya bertumbuh erat ke dalam dan dedaunnya segar. Pohonnnya segera berbuah lebat. Benih-benih ini melambangkan anak-anak Tuhan yang menerima firman Tuhan dan segera memahaminya. Firman Tuhan itu menjadi sesuatu yang hidup dalam setiap bahagian hidupnya. Dia giat melayani Tuhan dan berbuah lebat bagi Tuhan.

Doa: Tuhan Yesus, biarlah aku menggunakan firman-Mu dalam hidupku sehingga aku berbuah lebat.



Hari 44 HARI TUAIAN



Bacaan Alkitab: Matius 13:36-43

Ayat Mas: *“Semuanya akan dicampakkan ke dalam dapur api, di sanalah akan terdapat ratapan dan kertakan gigi,” (Matius 13:42).*

Siapakah yang akan pulang pada akhir zaman? Ya, Tuhan Yesus akan kembali pada hari itu. Adakah hari itu hari yang gembira?

Tuhan Yesus dalam perumpamaan ini adalah penabur yang baik. Penabur baik ini menabur benih-benih yang menjadi gandum. Di dunia ini juga ada penabur yang jahat iaitu Iblis yang menabur benih-benih jahat. Mereka yang mengikutnya akan menjadi jahat dan berbuat pelbagai hal yang jahat. Mereka yang bagai benih-benih lalang, dan mereka yang bagai benih gandum hidup bersama-sama.

Mereka yang berbuat jahat tidak kekal gembira. Mereka tidak dapat membuatnya selama-lamanya kerana hari tuaian akan tiba. Kelak, penuai-penuai Tuhan Yesus, para malaikat akan menuai gandum dan lalang bersama-sama. Lalang akan dicampak dalam api dan gandum akan bersinar bagai matahari dalam Kerajaan Allah.

Kedua-duanya hidup di samping di dunia ini. Kadangkala yang gandum dianiaya oleh si lalang-lalang. Tuhan Yesus mengetahui akan hal ini. Yang hidup bagai benih-benih gandum harus bersabar dan hidup kudus. Yang penting, jangan ada benih-benih gandum hidup jahat seperti benih-benih lalang. “Janganlah ada di antara kamu harus menderita sebagai pembunuh atau penury atau penjahat, atau pengacau,” (1 Petrus 4:15).

Anak-anak Tuhan harus hidup ikhlas seperti gandum dan sedar akan ada hari tuaian pada akhir zaman. Fikirkan masa depan kamu: ratapan dalam dapur api, atau bersinar gembira dalam Kerajaan Allah? Kalau anak-anak lain mahu jadi pembuli sekolah, jangan ikut mereka.



Doa: Tuhan Yesus, aku mahu menjadi benihmu yang baik selalu sehingga akhir zaman.



Hari 45

BERSIH DI DALAM



Bacaan Alkitab: Matius 15:10-18

Ayat Mas: *“Tetapi apa yang keluar dari mulut berasal dari hati dan itulah yang menajiskan orang,” (Matius 15:18).*


Pada zaman Tuhan Yesus, orang Farisi sangat mementingkan cara membasuh tangan sebelum makan. Tetapi, mereka suka mencipta banyak peraturan yang kecil-kecil. Mereka sangat berhati-hati mengikut peraturan itu kalau-kalau mereka mencemari diri. Walaupun tangan mereka bersih, Tuhan Yesus melihat hati dan mulut mereka sangat kotor. Dia juga melihat fikiran mereka juga kotor. Mereka bagai tembok putih yang hanya putih di luar sahaja.

Tuhan Yesus mementingkan apa yang di dalam hatimu. Kalau fikiran kamu penuh dengan yang jahat, awak perlu membersihkannya. Jika awak selalu berfikir jahat terhadap orang lain, perlulah awak membersihkan diri. Jika hati awak merancang sesuatu yang jahat, perlulah awak membersihkan diri. Perbuatan seseorang dipengaruhi oleh kebersihan dalam hatinya.

Setiap kali awak membasuh tangan dan muka, awak perlu ingat Tuhan Yesus mengingini hati bersih. Mintalah Tuhan Yesus membersihkan hatimu. Hal ini sama seperti kalau matamu gelap, seluruh tubuhmu juga gelap. Undanglah terang Kristus untuk menyinari minda dan hatimu!



Doa: Tuhan Yesus, selidiki hatiku dan melihat sama ada tersembunyi dosa. Bersihkan aku seputih salji.





Bacaan Alkitab: Matius 14:22-33

Ayat Mas: “Dan orang-orang yang ada di perahu menyembah Dia, katanya: “*Sesungguhnya Engkau Anak Allah,*” (Matius 14:33).

Yungkalo bangun satu malam. Dia berteriak “hantu” kerana diduga baju-baju yang tergantung di luar jendela itu hantu. Nenek ketawa terkekeh-kekeh sehingga sakit perut tetapi setelah itu berdoa bersama cucunya.

Setelah mengajar orang ramai, Yesus naik ke bukit untuk berdoa kepada Bapa-Nya. Dia suka menyendiri bersama dengan Bapa-Nya. Pada waktu itu, murid-murid-Nya beberapa batu jauh dari pantai dan perahu mereka terombang-ambing kerana ada angin.

Ceritanya bertambah lebih rancak. Kira-kira tiga pukul malam Tuhan Yesus mula berjalan di atas air. Murid-murid Yesus dalam perahu menduga itu hantu. Tentu manusia tidak boleh berjalan di atas air. Mereka berteriak “Itu hantu!” Hati murid-murid Yesus lega apabila mendengar, “Tenanglah! Aku ini, jangan takut!”

Ceritanya semakin memuncak. Petrus berseru, “Tuhan, suruhlah aku datang kepada-Mu berjalan di atas air.” Tuhan Yesus menjawab, “Datanglah!” Petrus pada mula-mulanya berjalan di atas air dengan berani tetapi apabila dia menatap ombak, dia takut dan hampir tenggelam. Tuhan Yesus menghulurkan tangan kepadanya dan dia terselamat.

Anak-anak yang terpenting dalam cerita ini ialah murid-murid Yesus menyembah Dia sebagai Anak Allah. Mata mereka mulai tercelik dan mereka tahu Tuhan Yesus bukan manusia biasa

TUHAN YESUS BERJALAN ATAS AIR

tetapi Tuhan Maha Kuasa yang boleh berjalan di atas air. Mereka sudah melihat Yesus menghentikan angin, menyembuh orang sakit dan sekarang berjalan di atas air.

Yesus bukan sekedar seorang nabi, guru hebat atau manusia biasa, Dia Tuhan Maha Kuasa yang layak kita sembah.



Doa: Tuhan Yesus, Engkau Anak Allah yang ajaib dan patut disembah selalu.



Hari 47

ENKKAU ADALAH MESIAS



Bacaan Alkitab: Matius 16:16-20

**Ayat Mas: “Engkau adalah Mesias, Anak Allah yang hidup!”
(Matius 16:16).**

Bayangkan kamu sedang berjalan dengan Tuhan Yesus dan Dia bertanya kepada kamu, “Kata orang di kampung kamu siapakah Yesus?”

Kamu menjawab, “Guru sejarah saya berkata Yesus atau Isa ialah salah seorang nabi daripada para nabi.”

Itu jawapan kamukah?

Kalau itu jawapan kamu, jawapan kamu bukan dari syurga.

Tuhan Yesus bukan salah satu nabi, tetapi Dia Anak Allah yang hidup dan satu-satu Penyelamat manusia. Dia akan kembali lagi sebagai Raja dan Hakim untuk menghakimi dan tidak akan kembali sebagai seorang nabi sahaja. Tentu tidak benar kalau ada orang memberitahu kamu bahawa apabila Tuhan Yesus kembali, Dia akan hapuskan semua nabi! Dia kembali sebagai Hakim dan Raja.

Kalau kamu percaya Tuhan Yesus adalah Anak Allah dari syurga, bergembiralah kerana jawapan itu dari syurga. Taniah! Jawapan itu telah diberikan oleh Bapamu di syurga bukan manusia. Kalau kamu mendapat jawapan yang betul ini, jangan takut memberitahu jawapan ini kepada guru sejarah kamu itu. Tuhan Yesus ialah Mesias yang dijanjikan para nabi. Dia sudah penuhi segala yang dinubuat oleh para nabi tentang-Nya.

Petrus yang mengikuti Yesus mulai yakin bahawa Tuhan Yesus adalah Anak Allah. Mukjizat-mukjizat-Nya yang luarbiasa, sifat-Nya yang sempurna, ajaran-ajaran-Nya yang luarbiasa membuka murid-murid Yesus kepada-Nya. Jawapan syurga sudah dalam hatinya, “Engkaulah Mesias, Anak Allah yang hidup.”




Doa: Tuhan Yesus, aku mahu menjadi benihmu yang baik selalu sehingga akhir zaman.



Hari 48

PIKULLAH SALIBMU



Bacaan Harian: Matius 16:21-28

Ayat Mas: *“Lalu Yesus berkata kepada murid-murid-Nya: “Setiap orang yang mahu mengikut Aku, dia harus menyangkal dirinya, memikul salibnya dan mengikut Aku,” (Matius 16:24).*

Tentera Jerman di bawah Adolf Hitler membenci orang Yahudi. Corrie Ten Boom dan adiknya, Betsy tetap menunjukkan kasih setia mereka kepada manusia dan Tuhan Yesus saat ini. Mereka tinggal di tempat yang kotor dan yang berkutu, sering menggigil dalam kelaparan. Askar-askar sering mengejek mereka dengan sinis. Relakah anak-anak menderita begitu bagi Yesus?

Yesus memberitahu murid-murid bahawa Dia harus pergi ke Yerusalem dan menderita di bawah tangan pihak tua-tua, imam-imam kepala dan ahli Taurat. Dia akan dibunuh tetapi hari ketiga Dia bangkit semula. Relakah mereka membiarkan Yesus menderita begitu? Dengan cepat-cepat, Petrus menarik Tuhan Yesus ke samping lalu berkata, “Tuhan, kiranya Allah menjauhkan hal itu! Hal ini sekali-kali takkan menimpa Engkau.”

Cara kita berfikir seperti Petrus. Kalau boleh janganlah!

Dengan tegas, Yesus berkata bahawa Petrus sebenarnya batu sandungan. Yang difikir dan dirasanya bukan yang difikirkan Allah sebab semua yang akan terjadi memang rancangan Allah yang indah. Petrus mungkin berfikir Yesus akan menjadi Mesias yang mengalahkan kerajaan Rom dan membangunkan kerajaan baru. Yesus bukanlah Mesias jenis ini, sebaliknya, Dia datang untuk meletakkan nyawa-Nya bagi semua yang berdosa. Dia memikul salib, mencurahkan darah-Nya bagi dosa kita, tetapi hari ketiga Dia bangkit.


Tuhan Yesus berkata sesiapa yang ingin mengikut juga harus memikul salib seperti Guru-Nya. Relakah kamu memikul salib?



Doa: Tuhan Yesus, aku tidak akan berlari kalau ada penderitaan, aku mahu pikul salib.

Hari 49

BERSAMA YESUS DI PUNCAK GUNUNG



Bacaan Alkitab: Matius 17:1-13

Ayat Mas: *“Lalu Yesus berubah rupa di depan mata mereka; wajah-Nya bercahaya seperti matahari dan pakaian-Nya menjadi putih bersinar seperti terang,” (Matius 17:2).*

Pernahkah kamu bayangkan takhta Tuhan? Nabi Yesaya melihat Tuhan duduk di atas takhta yang tinggi, ujung jubah-Nya memenuhi Bait Suci. Para Serafim yang bersayap melayang-layang dan berseru kudus, kudus, kudus. Nabi Yehezkiel melihat takhta-Nya sangat mulia, berwarna indah daripada pelbagai batu permata, ada pelangi dan makhluk-makhluk syurgawi melayani-Nya.

Tuhan Yesus membawa Petrus, Yakobus dan Yohanes naik puncak gunung. Di sini, mereka diberi kesempatan melihat sedikit daripada kuasa dan kemuliaan Kerajaan Allah yang akan datang. Apabila sampai ke puncak, murid-murid Yesus lelah dan segera tertidur. Tuhan Yesus berdoa. Sesuatu yang ajaib terjadi sehingga murid-murid terkejut dan terjaga.


Wajah Yesus bersinar bagai matahari, dan pakaian-Nya menjadi putih berkilauan. Di sini, Yesus berubah daripada manusia ke Anak Allah yang Maha Mulia. Tiba-tiba Musa dan Elia muncul dari syurga dan bercakap dengan Yesus. Sejenak, Musa dan Elia lenyap. Terang awan menyelubungi Yesus dan murid-murid itu. Suatu suara bersuara dari syurga, “Inilah Anak yang Kukasihi, kepada-Nyalah Aku berkenan. Dengarkanlah Dia.”

Murid-murid Yesus mulai melihat sesuatu yang baru. Yesus adalah Anak Allah yang sungguh mulia, kudus dan berkuasa. Suatu hari Tuhan Yesus akan kembali ke dunia ini dengan kemuliaan-Nya yang penuh. “Anak Domba yang disembelih itu layak untuk menerima kuasa, dan kekayaan, dan hikmat, dan kekuatan, dan hormat, dan kemuliaan, dan puji-pujian!” (Wahyu 5:12).



Doa: Aku bersujud menyembah Engkau, Anak Allah yang mulia dan dikasihi.





Bacaan Alkitab: Markus 3:31-35

Ayat Mas: *“Barangsiapa melakukan kehendak Allah, dialah saudara-Ku laki-laki, dialah saudara-Ku perempuan, dialah ibu-Ku,” (Markus 3:35).*

Banyak anak-anak suka cerita tentang raja, puteri dan istana yang indah. Kadangkala mereka berimpian tinggal dalam istana dan adik-adik mereka ialah putera-puteri. Bapanya seorang raja yang duduk di takhta yang berseri-seri. Kalau boleh, kamu menjadi puteri yang akan berkahwin dengan seorang putera daripada kerajaan lain.

Bagaimana kalau impian kamu untuk menjadi anggota keluarga raja itu nyata? Mahukah?

Gembira? Bertepuk-tepuk tangan? Bersorak-sorai?

Alkitab berkata Yesus adalah Raja kita. Sewaktu Tuhan Yesus di dunia ini, Dia banyak melakukan mukjizat. Orang buta yang buta sejak lahir disembuh-Nya. Orang yang terlantar di katil bertahun-tahun, berjalan bahkan orang mati pun boleh bangkit. Orang kusta pun ditahirkan-Nya. Dia Tuhan yang Maha Kuasa.

Suatu hari ketika Yesus sedang mengajar, saudara-saudara dan ibu Yesus menyuruh orang memanggil Yesus. Sewaktu diberitahu bahawa keluarga-Nya berada di luar dia menjawab, “Siapa ibu-Ku, dan siapa saudara-saudara-Ku?” (Matius 3:33) Tuhan Yesus mengatakan sesiapa yang melakukan kehendak-Nya adalah ibu atau saudara-Nya.

Anak-anak boleh menjadi anggota keluarga Raja Yesus kalau anak-anak menurut Dia dan firman-Nya setiap waktu. Ya, anggota keluarga dengan Raja atas segala raja. Bukankah Alkitab berkata, “Tetapi bagi mereka yang menerima dan mempercayai-Nya, diberikannya hak untuk menjadi anak-anak Tuhan,” (Yohanes 1:12).

Doa: Tuhan Yesus, aku ingin lakukan segala yang mengembirakan hati-Mu kerana Engkau Raja dan Saudaraku.



Hari 51

YESUS BERKATA BEREHAT



Bacaan Alkitab: Markus 6:30-32

Ayat Mas: “Lalu Dia berkata kepada mereka: “Marilah ke tempat yang sunyi, supaya kita sendirian, dan beristirahat seketika!” Sebab memang begitu banyaknya orang yang datang dan yang pergi, sehingga makan pun mereka tidak sempat,” (Markus 6: 31).

Sepanjang hari Upin menolong bapanya menjual kerepek, durian dan madu di pekan dan sungguh letih. Bapanya pun cukup letih dan tulangnya perlu diurut oleh ibu Upin. Upin duduk di sofa sambil menonton kartun kesukaannya, berehat dan minum sirup. Ibunya sedang mengoreng pisang goreng sementara dia dan bapa menunggu pisang goreng yang akan dimakan dengan sambal pedas. Kakak Upin sedang membacuh kopi Tenom yang harum.

Kita tidak boleh menyangkal Tuhan Yesus ialah Tuhan sepenuhnya dan manusia sepenuhnya. Kadangkala Dia letih dan Dia pernah tertidur di sampan. Dia tahu murid-murid-Nya letih sewaktu bersama-sama mereka dan menyuruh mereka bersama-Nya untuk berehat.

Kita perlu rajin bekerja tetapi kita juga perlu berehat supaya tidak sakit. Apabila kita berbaring di katil atau kerusi untuk berehat bolehlah kita berdoa dengan tenang dan bersyukur kerana Tuhan kita baik. Sewaktu kita rehat, kita berdoa dengan tenang dalam hati kita.

Biarlah kekuatan Tuhan memperbaharui jiwa dan tenaga kita yang lelah. Tubuh yang terlalu lelah dan sakit tidak boleh melayani Tuhan. Jagalah tubuh baik-baik supaya boleh belajar dan melayani dengan baik. Ingat, Tuhan Yesus juga tidur lena di sampan, jangan main komputer hingga pagi-pagi!



Doa: Tuhan Yesus, terima kasih atas saat rehat ini, Engkau dekat dengan saya.



TUHAN YESUS MENGASIHI KANAK-KANAK



Bacaan Alkitab: Markus 10:13-16

Ayat Mas: “...Biarkan anak-anak itu datang kepada-Ku, jangan menghalang-halangi mereka...” (Markus 10:14).

Murid-murid Yesus menduga Dia tidak suka kanak-kanak kecil yang mungkin akan mengacau Dia. Banyak ibu bapa membawa anak-anak mereka kepada Tuhan Yesus untuk diberkati. Murid-murid Tuhan Yesus suruh mereka pergi sebab difikir mereka anak-anak kecil tidak terlalu penting. Ibu bapa dan anak-anak mereka merasa kecewa. Mereka mahu menerima berkat Tuhan Yesus.

Mereka sangat gembira ketika mendengar Tuhan Yesus memberitahu mereka, “Biarkan anak-anak itu datang kepada-Ku, jangan menghalangi mereka.” Tuhan Yesus memberitahu mereka bahawa justru mereka harus seperti seorang anak yang mudah percaya kepada Tuhan Yesus dengan sepenuh hati. Kalau mereka mahu masuk ke Kerajaan Allah, iman mereka harus semudah seorang anak.

Murid-murid hairan apabila melihat Tuhan Yesus memeluk anak-anak lalu memberkati mereka. Hari ini Tuhan Yesus tetap sayang pada kanak-kanak. Apabila mereka berdoa kepada-Nya, Dia mendengar. Dia mahu memberkati mereka setiap hari di sekolah atau di rumah.

Setiap anak penting kepada Tuhan Yesus. Tuhan Yesus akan menyambut setiap anak yang mahu mengikuti Dia dan melayani. Iman dan kerja yang dilakukan seorang anak tetap sama berharga seperti yang dilakukan oleh orang dewasa. Raja Yosia dalam Alkitab adalah seorang anak yang berumur lapan tahun tetapi dia jauh lebih baik daripada raja-raja dewasa lain. Dia menitah agar Kitab Taurat dibaca di depan rakyatnya (2 Tawarikh 34-35).

Doa: Tuhan Yesus, terima kasih atas kasih-Mu yang tidak berubah terhadap kanak-kanak hingga kini.





Bacaan Alkitab: Yohanes 14:1-6

Ayat Mas: *“Di rumah Bapa-Ku banyak tempat tinggal. Jika tidak demikian, tentu Aku mengatakannya kepadamu. Sebab Aku pergi ke situ untuk menyediakan tempat bagimu,”* (Yohanes 14:2).

Penyakit leukemia Ben semakin parah dan perlu dirawat di hospital. Katil hospital sudah menjadi rumah yang sering dikunjunginya akhir-akhir ini. Ben tahu tentu dia tidak dapat hidup selama sepupu-sepupunya. Ibunya selalu sisi di katilnya, membaca firman dan merenungi firman Tuhan yang indah. Walaupun dia tidak dapat ke sekolah untuk berjumpa dengan kawan-kawannya, dia terhibur oleh firman Tuhan.

Ben tidak takut kerana dia tahu di syurga ada banyak rumah yang disediakan sebagaimana dikatakan Tuhan Yesus. Sewaktu Tuhan Yesus berada di dunia ini, Dia memberitahu murid-murid-Nya bahawa tempat tinggal Bapa Syurgawi mempunyai banyak rumah. Tuhan Yesus sendiri telah pergi ke sana untuk menyiapkannya.

Empat puluh hari setelah Tuhan Yesus mati di kayu salib, Dia bangkit semula lalu Dia naik ke syurga. Di sana, Dia akan menyiapkan banyak tempat tinggal kekal bagi kamu dan saya. Kita tidak perlu takut atau sedih walaupun kita tahu kita tidak dapat hidup lama di dunia kerana kita akan bersama Tuhan Yesus di sana.

Alkitab berkata, “Kota itu penuh dengan kemuliaan Allah dan cahayanya sama seperti permata yang paling indah, bagaikan permata yaspis, jernih seperti Kristal,” (Wahyu 21:11). Rumah-rumahnya berada di tempat yang sungguh indah, yang tiada di dunia ini.

RUMAH-RUMAH DI SYURGA

Yang terpenting di sini ialah Anak Allah tinggal di kalangan kita. “Lalu aku mendengar suara yang nyaring dari takhta itu berkata: “Lihatlah, khemah Allah ada di tengah-tengah manusia dan Dia akan diam bersama-sama dengan mereka. Mereka akan menjadi umat-Nya dan Dia akan menjadi Allah mereka,” (Wahyu 21:3).



Doa: Saya bersyukur kerana syurga tersedia tempat tinggal bagi aku dan di sana aku melihat wajah Tuhan Yesus.





Bacaan Alkitab Yohanes 14:6

Ayat Mas: *“Kata Yesus kepada-Nya: “Akulah jalan dan kebenaran dan hidup. Tidak ada seorang pun yang datang kepada Bapa, kalau tidak melalui Aku,” (Yohanes 14:6).*

Timmy mengarut kepalanya. Jalan manakah di depannya yang perlu diambalnya ke Kampung Ketam Hitam. Kalau dia salah mengambil jalan, dia mungkin akan tiba di Kampung Pasir Hitam. Ibunya sudah lama mengidam makan ketam hitam. Kalau dia belok ke kanan mungkin impian maknya untuk makan ketam hitam masak mentega mungkin hanya melenyap.

Tuhan Yesus pernah menunjukkan kepada para murid-Nya cara untuk datang ke Bapa-Nya. Ya, Tuhan Yesus berkata Dialah jalan ke Bapa-Nya. Tiada siapa yang boleh menghapuskan dosa sehingga kita boleh bersama Bapa-Nya kecuali Yesus. Dia mati bagi dosa kita dan membuka jalan kepada Allah Bapa.

Yesus ialah kebenaran dan ini membuat jalan ke Bapa Syurgawi lebih yakin dan pasti. Bukankah selain Yesus, tiada yang dinubuat begitu terperinci mengenai diri-Nya. Bukankah firman yang diajari-Nya menggambarkan diri-Nya hanya kebenaran? Hanya terang sahaja. “Terang yang sesungguhnya yang menerangi setiap orang, sedang datang ke dalam dunia,” (Yohanes 1:9).

Yesuslah hidup dan kalau kita mahu menikmati hidup rohani, kita mencari Tuhan Yesus. Dia adalah roti dan air hidup. Hanya Tuhan Yesus dan tiada sesiapa atau jalan lain kerana Dia sempurna dan adil serta penuh kasih anugerah. Hanya dalam Yesus kita mengalami kasih Allah.



JALAN SEHALA

Jalan lain mungkin penuh dengan tawaran mewah dan istimewa tetapi jalan itu tidak membawa kita ke Allah Bapa. Ikutlah jalan yang sempit bersama Yesus dan jangan menyimpang ke jalan lain. Jalan lain tidak pernah menjadi sebahagian daripada rancangan penyelamatan Allah.



Doa: Saya bersyukur kerana syurga tersedia tempat tinggal bagi aku dan di sana aku melihat wajah Tuhan Yesus.





Bacaan Alkitab: Yohanes 17:13-19

Ayat Mas: “Aku tidak meminta, supaya Engkau mengambil mereka dari dunia, tetapi supaya Engkau melindungi mereka daripada yang jahat,” (Yohanes 17:15).

Puso merasa sedih sebab kawan-kawan di sekolahnya tidak suka orang Kristian. Cara mereka berdoa berbeza sekali daripada orang Kristian. Kalau mereka berdoa, mereka boleh lantang bersuara. Kalau Puso ingin berdoa, dia akan menunduk kepala dengan sunyi dan hati yang tenang. Nama Tuhan Yesus dibisik di bibirnya. Kalau kawannya mendengar doa Puso, mereka melaporkan kepada Guru Besar yang juga tidak suka orang Kristian.

Sebelum semua ini terjadi, Tuhan Yesus sudah mengetahuinya. Dia tahu semua murid yang sejati kelak akan menghadapi banyak ujian. Musuh-musuh akan mengancam dan menakutkan mereka. Tuhan Yesus tidak berdoa agar mereka diambil dari dunia atau dibebaskan dari kesusahan. Iblis akan mengacau mereka namun Tuhan Yesus berdoa untuk mereka agar dilindungi.

Rasul Paulus dan gereja awal sering menderita di bawah tangan pemerintah kejam dan imam-imam Yahudi. Paulus dan Silas yang pernah membebaskan seorang hamba perempuan daripada roh-roh jahat telah dilemparkan ke dalam penjara. Pada tengah malam mereka menyanyi dan berdoa, semua pintu terbuka dan mereka terlepas (Kisah Para Rasul 16:26).

Seandainya mereka tidak dibebaskan, Tuhan Yesus tetap bersama mereka di penjara. Mereka akan tetap bersukacita dan anggap layak menderita bagi nama-Nya.



Doa: Tuhan Yesus, aku tahu aku tetap di tapak tangan-Mu walaupun menghadapi ancaman.



Bacaan Alkitab: Markus 12:41-44

Ayat Mas: “Lalu datanglah seorang janda yang miskin dan dia memasukkan dua peser, iaitu satu duit,” (Markus 12:42).

Rino hanya dapat memberi sedikit untuk tas persembahan. Dia merasa malu dan digenggam wangnya ketat sebelum dimasukkan dalam tas. Ibu bapanya petani dan mereka hanya ada cukup-cukup sahaja. Hati Rino melonjak ketika mendengar mengenai seorang janda miskin yang memberi dan disanjung Yesus. Tuhan Yesus melihat hati pemberi lebih-lebih daripada pemberiannya.

Pemimpin-pemimpin agama pada zaman Tuhan Yesus mementingkan hal-hal di luar. Kalau orang memberi persembahan, mereka saling bersaing untuk memberi banyak agar boleh menarik perhatian orang lain. Datanglah seorang janda miskin yang memasuki dua syiling ke dalamnya. Di mata manusia, persembahan sebegitu tidak berapa bergunanya kerana terlalu sedikit.

Di pandangan Tuhan Yesus, dia sudah memberi banyak. Wang itu sedikit tetapi itulah semua yang dimilikinya. Orang lain mementingkan wang banyak daripada orang kaya. Bagi Tuhan Yesus, wang yang dimasukkan janda itu sungguh berharga sebab itu daripada hati. Tuhan Yesus melihat keindahan hati janda itu bukan wangnya.

Pemimpin-pemimpin agama zaman itu mementingkan keindahan Rumah Tuhan mereka dan jumlah wang yang ada dalam peti persembahan. Mereka tidak melihat keindahan dalam sifat Tuhan Yesus mahupun umat Tuhan yang menyembah Tuhan dengan sejati.

Sewaktu mereka keluar dari Rumah Tuhan, seorang murid berkata, “Guru, lihatlah betapa kukuhnya batu-batu itu dan betapa



MEMBERI KEPADA TUHAN

megahnya gedung-gedung itu!” (Markus 13:1). Raja Herodus telah menghiasinya dengan emas dan batu marmar. Tuhan Yesus berkata suatu hari nanti tidak ada batu lagi kerana semua akan diruntuhkan. Benar beberapa tahun kemudian, rumah Tuhan ini dibinasa semasa murid-murid masih hidup.

Tuhan Yesus tidak melihat kemegahan seperti yang dilihat dan dipuji manusia.



Doa: Tuhan Yesus, saya mahu memberi dengan hati yang bersungguh-sungguh kepada Engkau.



Bacaan Alkitab: Lukas 11:-13

Ayat Mas: *“Oleh kerana itu Aku berkata kepadamu: Mintalah, maka akan diberikan kepadamu; carilah, maka kamu akan mendapat; ketuklah maka pintu akan dibukakan bagimu,” (LuKas 11:9).*

Kamu ingin sebuah telefon bimbit canggih seperti telefon kawan yang kaya raya, jadi kamu berdoa dan ketuk-ketuk di pintu Tuhan. Kamu ingin bapa kamu membeli anjing yang mahal lalu kamu ketuk-ketuk pintu Tuhan. Pintu itu tidak dibukakan bagimu.

Kenapa?

Apakah firman Tuhan tidak benar?

Sebenarnya Tuhan Yesus ingin memberi kamu jauh lebih baik daripada semua ini. Ketuk-ketuk pintu Tuhan Yesus dan meminta Dia memberi kamu kasih. Ketuk-ketuk pintu dan meminta Dia memberi kamu lebih banyak kesabaran terhadap kawan-kawan kamu.

Ketuk-ketuk dan meminta Tuhan menyelamatkan kawan-kawan kamu daripada dosa. Ketuk-ketuk dan meminta Tuhan untuk memberi kamu damai dan menjadikan kamu lebih kuat sewaktu menghadapi cabaran. Ketuk-ketuk dan meminta pertolongan-Nya untuk hidup lebih serupa Yesus.

Ketuklah dan Dia akan membuka pintu bagi kamu. Dia akan memberi ini dengan limpahan dan kamu akan menjadi lebih gembira. Jangan hanya mengetuk pintu Allah untuk barang-barang sahaja, mintalah yang boleh membentuk peribadi kamu bagi Tuhan Yesus.



Doa: Ajarlah aku meminta dan mengetuk pintu-Mu untuk meminta yang penting bagiku.

Hari 58

BUAH-BUAH MANIS



Bacaan Alkitab: Lukas 6:43-45

Ayat Mas: “Sebab setiap pohon dikenal pada buahnya. Kerana dari semak duri orang tidak memetik buah ara dan dari duri-duri tidak memetik buah anggur,” (Lukas 6:44).

Samuel suka makan mangga apalagi mangga yang berjus dan manis. Sewaktu dia ke hutan, dia begitu gembira kerana sebuah pokok mangga yang berbuah lebat. Dia memetik banyak buah dan membawa kembali ke rumah tetapi sebenarnya buah-buah itu masam! Walau bagaimana pun ibunya yang suka mangga asam makan semuanya sebab mangga kerabu memang perlu yang asam.

Manusia diibarat sebagai pokok buah oleh Tuhan Yesus. Orang yang baik bagai pokok yang baik yang menghasilkan buah-buah manis. Kita akan mengenal seseorang yang mengasihi Tuhan daripada kasihnya, kata-kata dan perbuatannya. Yesus adalah pokok dan kita adalah cabang-Nya. Tinggal dalam-Nya dan kita akan berbuah manis.

Kita harus selalu bertanya buah-buah apakah yang sedang saya berbuah sekarang?

Yesus berkata mereka yang jahat selalu berbuah buah-buah yang busuk. Hati mereka lebat dengan buah-buah yang jahat. Ini sebab mereka tidak menurut firman Tuhan dan lebih mengikut kesukaan perasaan mereka. “Tetapi yang kesukaannya ialah Taurat Tuhan, dan yang merenungkan Taurat itu siang dan malam. Ia seperti pohon, yang ditanam di tepi aliran air, yang menghasilkan buahnya pada musimnya, dan yang tidak layu daunnya, apa saja yang diperbuatnya berhasil,” (Mazmur 1: 2-3).

Yakobus pun pernah menjelaskan hal ini. “Adakah sumber memancarkan air tawar dan air pahit daripada mata air yang sama?” (Yakobus 3:11).



*Doa: Tolonglah berbuah manis selalu kerana kami
Engkau pokok dan aku cabang-Mu.*





Bacaan Alkitab: Lukas 9:37-45

Ayat Mas: *“Maka takjublah semua orang itu kerana kebesaran Allah,” (Lukas 9:43a).*

Minah sangat takut kerana kawannya berkata pokok di depan sekolahnya ada hantu. Neneknya berkata itu penunggu. Setiap kali dia pergi ke sekolah pagi-pagi, dia berlari dengan cepat-cepat apabila melewati pokok itu. Kawan-kawan lain pula mengayuh basikal dengan laju apabila melewati pokok itu. Suatu hari mereka diragut oleh ketakutan luarbiasa apabila beberapa murid di sekolah mengamuk dan berteriak-teriak.

Tuhan Yesus Maha Kuasa, semua iblis gementar apabila mereka bertemu dengan Tuhan Yesus. Sebutkan nama Yesus! Sebut dengan yakin, “Dalam nama Yesus Iblis dikalahkan! Saya mengikat Iblis dalam kuasa Tuhan dan mengusirnya dari sini!”

Pada suatu hari seorang bapa memohon Tuhan Yesus untuk menengok anak-Nya kerana anaknya diserangi roh jahat. Setiap kali roh itu menyerang, dia berteriak, mulutnya berbuih air liur dan tubuhnya bergoncang-goncang. Tuhan Yesus berkata kepada murid-Nya, “bawa anak itu kemari.” Dia mengusir roh jahat itu keluar dari tubuh budak itu. Segera, roh itu meninggalkan budak itu dan semua orang hairan.

Adik-adik tidak perlu takut akan iblis atau roh-roh jahat. Tuhan Yesus yang Maha Kuasa bersama dengan awak. Berserulah, “Dalam nama Tuhan Yesus, saya mengusir kamu! Pergi!” “Akhirnya, hendaklah kamu kuat di dalam Tuhan, di dalam kekuatan kuasa-Nya,” (Efesus 6:10)



Doa: Tuhan Yesus, dalam nama-Mu Iblis dikalahkan. Saya mengusir Iblis dari sekolah saya dan mengundang Roh Kudus untuk datang ke sekolah kami.



Bacaan Alkitab: Lukas 8:26-39

Ayat Mas: “Orang-orang yang telah melihat sendiri hal itu memberitahkan kepada mereka, bagaimana orang yang dirasuki setan itu telah diselamatkan,” (Lukas 8:36).

Kanak-kanak tidak perlu takut akan iblis-iblis kerana Tuhan Yesus Maha Kuasa. Apabila iblis-iblis berjumpa Tuhan Yesus, ia takut dan gentar. Ia akan berseru, “Yesus Anak Allah yang Maha Tinggi, jangan menyeksa aku!” Kamu tidak perlu memakai azimat-azimat kerana Yesus yang Maha Kuasa hadir bersama kamu. Lupakah Allah Maha Hadir, jangan gementar!

Pada suatu hari Tuhan Yesus pergi Gerasa, dan di sana ada seorang yang dirasuki oleh banyak iblis. Orang ini sudah lama ditawan oleh iblis-iblis sehingga dia tidak suka berpakaian atau tinggal di rumah. Dia tinggal di kubur kerana dia tidak dapat dirantai kerana roh-roh ini sangat kuat dan akan melepaskan diri. Wah, betapa kuatnya roh yang merasuki orang ini.

Yesus menyuruh roh-roh jahat untuk keluar daripada tubuh orang ini. Roh-roh yang jahat keluar lalu masuk ke dalam sekaanan babi. Kawan-an babi itu terjun ke jurang lalu masuk ke danau. Orang yang dirasuki iblis-iblis ini sudah bebas daripada iblis-iblis. Dia ingin sekali menyertai Yesus. Tuhan Yesus menyuruh dia kembali ke kotanya dan memberitahu orang lain apa yang dibuat-Nya.

Kanak-kanak apa yang dilakukan oleh Tuhan Yesus untuk kamu? Kita boleh memberitahu bahawa Tuhan Yesus sungguh baik dan Dia mati bagi dosa kita. Kita boleh memberitahu kawan-kawan kita bahawa Tuhan Yesus hidup dan bangkit. Kita boleh memberitahu kawan-kawan kita mukjizat-mukjizat yang pernah dilakukan Tuhan Yesus dalam hidup kita.

BERITAHU KAWAN-KAWAN DAN KELUARGAMU

Janganlah seperti penduduk kampung Gerasa yang walaupun melihat kuasa Tuhan Yesus tidak percaya kepada-Nya. Sebaliknya, mereka meminta Yesus tinggalkan kampung mereka sebab mereka sangat takut. Namun, orang yang dibebaskan menurut perintah Yesus dan dia mengelilingi kampung untuk memberitahu orang lain tentang yang dilakukan Yesus.



Doa: Tuhan Yesus, mulutku menyanyi akan kebaikan dan kuasa Tuhan Yesus, setiap lidah akan bertelut kerana Engkau Raja atas raja.



Hari 61

JAMUAN



Bacaan Alkitab: Lukas 14:15-24

Ayat Mas: *“Sebab Aku berkata kepadamu: Tidak ada seorangpun daripada orang-orang yang telah diundang itu akan menikmati jamuan-Ku,” (Lukas 14:16)*

Anak perempuan Pak Damat akan berkahwin hujung minggu ini. Seluruh penduduk kampung diundang ke jamuan perkahwinan anaknya. Jiran-jirannya bukan saja datang ke jamuan tetapi mereka turut memasak untuk hari itu. Walaupun Rina masih kecil dan tidak tahu memasak, dia menolong menghidang air untuk tetamu.

Pergikah kamu ke perjamuan Tuhan Yesus sewaktu Dia mengundang kamu? Jangan memberi banyak alasan? “Maaf Tuhan Yesus, bapa saya kata tidak boleh datang!” “Maaf Tuhan Yesus, saya mahu datang tetapi malam ini ada pertandingan bermain layang-layang!” Jangan buat begitu terhadap Tuhan Yesus. Datang ke hadirat Tuhan Yesus dan menikmati persahabatan-Nya. Kamu perlu jamuan bagi jiwa kamu yang lapar juga. Jiwa kamu mahu merasa sukacita bersama Tuhan Yesus.

Tuhan Yesus mengundang orang Yahudi untuk datang kepada-Nya tetapi mereka menolak lalu Tuhan Yesus mengundang bangsa-bangsa lain. “Lalu kata tuan itu kepada tuannya: Pergilah ke semua jalan dan lintasan dan paksalah orang-orang yang ada di situ, masuk, kerana rumahku harus penuh,” (Lukas 14:23).

Sebagai anak-anak Tuhan, kamu boleh mengundang kawan-kawan kepada Tuhan Yesus.



Doa: Tuhan Yesus, apabila Engkau mengundang aku kepada-Mu, aku terima jamuan bagi jiwaku. Aku juga mahu mengundang kawan-kawanku.



Hari 62 GEMBALA BAIK



Bacaan Alkitab: Lukas 15:3-6

Ayat Mas: *“Siapakah di antara kamu yang mempunyai seratus domba, dan jikalau dia kehilangan seekor di antaranya, tidak meninggalkan yang sembilan puluh sembilan ekor di padang gurun dan pergi mencari yang sesat itu sampai menemukannya,” (Lukas 15: 4).*

Ring ialah seekor anjing pandai yang dimiliki oleh keluarga miskin. Anjing ini sering menolong keluarga untuk bekerja. Setiap hari, ia menolong keluarga ini mengejar itik-itik ke sungai untuk mandi. Selepas itik-itiknya sudah puas mandi, Ring mengejar mereka kembali ke darat lalu ke reban. Kadangkala Ring mencari makanan seperti ikan masin dan perut babi untuk keluarga miskin ini. Kalau ia sesat, ia tetap dapat mencari rumah tuannya. Dombanya pula tidak pandai!

Domba pula kalau sesat tidak tahu jalan pulang ke kandangnya. Jenis binatang ini perlu dijaga rapi dan dibimbing selalu. Kalau domba sesat, ia mudah menjadi mangsa harimau yang menunggu untuk memahaminya. Gembala tahu dombanya dalam keadaan bahaya kalau ia sesat. Gembala yang baik akan segera pergi mencari domba itu.

Tuhan Yesus ialah Gembala Baik kita. Dia datang dari syurga untuk mencari kita, domba-domba sesat. Kalau kamu merasa sepi, Tuhan Yesus tahu kerana Dia Gembala Baik. Kalau kamu ada masalah, beritahulah Gembala yang Baik kita. Dia segera datang menolong kamu yang sesat.

Minta Tuhan Yesus menjadi Gembala Baik kamu selama-lamanya. Gembala Baik ini boleh dipercayai kerana Dia pernah meletakkan nyawa-Nya bagimu.



Doa: Tuhan Yesus, Gembala Baikku, aku serahkan jiwaku untuk dijaga Engkau.



Bacaan Alkitab: Lukas 16:10-14

Ayat Mas: “Dan barangsiapa setia dalam perkara-perkara kecil, ia setia juga dalam perkara-perkara besar. Dan barangsiapa tidak benar dalam perkara-perkara kecil, ia tidak benar juga dalam perkara-perkara besar,” (Lukas 16:10).

Pada satu abad yang dahulu pernah tinggal seorang janda dan lima anak perempuannya yang kecil. Mereka sangat miskin dan mesti bekerja keras. Janda ini selalu memberi kerja kepada anak-anak perempuannya. Walaupun mereka kecil mereka diberi tanggungjawab masing-masing. Mereka hanya belajar pada waktu malam.

“Stella, tugas kau ialah mencari cacing bagi makanan ayam dan ikan,” kata janda itu kepada anaknya sambil menghulur cangkuk kepada mereka.

“Sophia, cabut rumput dari kebun supaya sayur-sayuran kita tidak tercekik,” kata janda itu kepada anaknya.

“Sandra, pastikan semua itik mandi hari ini, Ring akan menolong kamu,” kata janda itu kepada anaknya.

“Sarah, petik semua cili padi yang sudah masak dan bawanya ke kedai runcit pak Raman. Dia akan menolong kita menjualnya,” kata janda itu kepada anaknya.

“Sabrina, mari bersama mak pergi ke Bandar mencari sisa makanan untuk babi,” kata janda itu kepada anak bongsu.

Anak-anak kecil yang bertanggungjawab ini kemudian

BERTANGGUNGJAWAB ATAS YANG KECIL

menjadi peniaga-peniaga yang berjaya kerana mereka belajar mengurus yang hal kecil dengan setia bertanggungjawab, dan belajar daripadanya. Mereka telah setia mengurus hal yang kecil maka mereka dipercayakan yang besar apabila mereka dewasa.



Doa: Tuhan Yesus, aku mahu belajar mengurus yang kecil dengan setia supaya aku dapat lebih bertanggungjawab dengan tanggungjawab yang besar.



Hari 64

TUHAN YESUS MENTAHIRKAN SEPULUH PESAKIT KUSTA



Bacaan Alkitab: Lukas 17:11-19

Ayat Mas: *“Lalu Yesus berkata: “Bukankah kesepuluh orang tadi semuanya telah menjadi tahir? Di manakah yang Sembilan orang itu?” (Lukas 17:17).*

Maureen berdoa agar Tuhan Yesus menolong dia untuk mendapat tempat di sekolah rendah yang paling bagus. Apabila Tuhan Yesus menjawab doanya, dia lupa mengucapkan syukur kepada-Nya. Sewaktu di sekolah sana, dia bergaul dengan mereka yang tidak mencintai Yesus dan lupa Tuhan Yesus sama sekali.

Pada suatu hari, Yesus ke Yerusalem yang terletak berdekatan Samaria dan Galilea. Sepuluh pesakit kusta menunggu di luar kampung untuknya. Pesakit kusta tidak boleh tinggal bersama keluarga mereka. Mereka tinggal di luar kota atau kampung, jauh daripada orang lain. Di bawah hukum Yahudi, mereka mesti berteriak, “tidak bersih, tidak bersih” supaya orang lain boleh berlari daripadanya.

Hari itu, mereka tidak menangis, “Tidak bersih” sebaliknya “Yesus, Guru, kasihanilah kami!” Yesus menyuruh mereka untuk menunjukkan diri kepada imam-imam kerana apabila seorang pesakit kusta sudah sembuh, mereka mesti pergi ke imam untuk diisytiharkan “bersih.” Sewaktu dalam perjalanan ke sana, semua pesakit itu disembuhkan dengan ajaib.

Hanya satu pesakit kusta Samaria kembali, tersungkur sambil mengucapkan syukur kepada Yesus. Sembilan pesakit kusta bangsa Yahudi tidak balik. Saya dan kamu mungkin tidak ada penyakit kusta tetapi dosa kita bagai kusta. Tuhan Yesus sudah hapuskan dosa kita di salib. Adakah kita bersyukur atas hal ini dan berkat lain dalam hidup kita?

Orang yang tidak tahu berterima kasih hanya mahu menerima tetapi tidak mahu berterima kasih.

Doa: Tuhan Yesus, aku bersyukur atas kasih setia-Mu yang telah menyelamatkan aku dan melimpahkan berkat dalam hidupku.



Hari 65 SUARA-NYA



Bacaan Alkitab: Yohanes 10:1-14

Ayat Mas: “Untuk dia penjaga domba membuka pintu dan domba-domba mendengarkan suaranya dan dia memanggil domba-dombanya masing-masing menurut namanya dan menuntun ke luar,” (Yohanes 10:3).

Mat disuruh oleh ibunya membawa kambingnya ke padang untuk makan rumput dan menjaganya sewaktu ia meragut rumput. Setiba di padang, Mat Nampak beberapa kawan sedang bermain layang-layang berwarna-warni. Kawan Mat yang bernama Seng memberi Mat tali layang-layangnya. Asyiknya! Kambingnya dicuri orang sewaktu Mat sedang asyik bermain.

Anak-anak yang sudah percaya kepada Tuhan Yesus adalah domba-domba-Nya. Sebagai domba Yesus, kita harus mengikut gembala kita dekat-dekat dan belajar mendengar suara-Nya melalui firman-Nya dan doa. Kita tidak akan berkeliaran ke tempat lain atau mendengar guru-guru yang mengajar sesuatu yang palsu tentang Tuhan Yesus.

Suara-suara yang lain mungkin menarik dan manis. Awas, mereka bukan pintu Gembala Baik tetapi pintu serigala dan pencuri. Awas, kalau ada orang yang memberi tawaran menarik. Iblis yang ajak kamu berdosa juga pencuri. Awas, kalau kamu ditawar dadah yang akan menghancurkan dan membunuh. Awas, kalau diajak masuk ke geng samseng yang seakan-akan menghargai dan mengasihi kamu.

Anak-anak hendaklah dengar kepada suara Gembala yang baik bukan suara pencuri yang berusaha membawa kamu ke lubang serigala.



Doa: Gembala yang baik, aku mahu mendengar suara-Mu setiap hari dan hanya masuk pintu-Mu sahaja.



Hari 66

TUHAN YESUS TIDAK SUKA KITA BERTOPENG



Bacaan Alkitab: Lukas 18:9-14

Ayat Mas: “Tetapi pemungut cukai itu berdiri jauh-jauh, bahkan dia tidak berani menengadah ke langit; melainkan dia memukul diri dan berkata: Ya Allah, kasihanilah aku orang berdosa ini,” (Lukas 18:13).

Sahabat yang sejati tentu kita ingin kita jujur dan tulus dengannya. Kita boleh mencurahkan perasaan dan kesedihan kepadanya. Sahabat palsu berpura-pura dan bermuka-muka baik sahaja tetapi di sebaliknya tersembunyi tulang-tulang busuk. Kalau kita berdoa, Tuhan tidak suka kita bertopeng dan berpura-pura kudus. Kita hanya bertopeng kudus di luar sahaja dan untuk dipandang manusia.

Tuhan Yesus bercerita pernah dua orang ke bait suci untuk berdoa. Orang Farisi itu begitu bangga akan diri sendiri dan berdoa, “Ya Tuhan, aku bersyukur aku tidak tamak, menipu atau tidak bermoral seperti orang lain..tidak seperti pemungut cukai itu...” Pemungut cukai pula datang dengan hati yang sesal atas diri sendiri, tidak berani melayang pandangan kepada Tuhan. Dia berdoa, “Ya Tuhan, kasihani aku, hamba yang berdosa.”

Siapakah yang diterima Tuhan? Ya, pemungut cukai kerana dia jujur kepada Tuhan dan tahu siapa dirinya. Dia diterima oleh Tuhan. Kita perlu selalu datang kepada Tuhan dengan tidak menyembunyi apa-apa. Jujur dan ikhlas dengan dirimu di depan Tuhan baru Tuhan boleh membentuk peribadi kamu.

Tuhan Yesus tidak suka orang yang berpura-pura dekat dengan-Nya tetapi hati mereka berjauhan. “Apabila kamu menadahkan tanganmu untuk berdoa, Aku akan memalingkan muka-Ku, bahkan sekalipun kamu berkali-kali berdoa, Aku tidak akan mendengarkannya, sebab tanganmu penuh darah. Basuhlah, bersihkanlah dirimu, jauhkanlah perbuatan-perbuatanmu yang jahat dari depan mata-Ku,” (Yesaya 1:15:16).

Doa: Ya Tuhan Yesus, aku datang ke hadirat-Mu dengan diriku yang sebenarnya, selidikilah aku dan nyatakan dosaku.





Bacaan Alkitab: Lukas 18: 31-34

Ayat Mas: “Akan tetapi mereka sama sekali tidak mengerti semuanya itu; erti perkataan itu tersembunyi bagi meeka dan mereka tidak tahu apa yang dimaksudkan,” (Lukas 18:34).

Penat Cikgu Mat mengajar murid-muridnya dengan jelas, langkah lepas langkah. Dia sudah buat banyak persiapan dan contoh-contoh. Kecewalah Cikgu Mat apabila dia ke bilik guru untuk berehat kerana murid-muridnya tidak faham. Sia-sia titik peluh Cikgu Mat.

Yesus seorang guru yang kreatif dan terbaik. Dia sering menggunakan objek-objek di langit atau bumi untuk menjelaskan pelajarannya. Buah-buah, pohon, ranting, bunga, rumput, burung, gunung, mata wang, dan sebagainya boleh dijadikan contoh satu pelajaran.

Tuhan Yesus memberitahu segala yang akan terjadi kepada diri-Nya kepada murid-murid-Nya. Mereka tidak memahami apa yang dikatakan oleh Tuhan Yesus. Tuhan Yesus berkata dia akan ke Yerusalem dan segala yang dinubuat oleh nabi-nabi akan terjadi. Dia akan diludahi, dihina dan disalibkan, kemudian hari ketiga Dia akan bangkit. Maksudnya ialah apa yang akan terjadi kepada-Nya sudah dinubuat oleh para nabi.

Murid-murid Tuhan Yesus tidak memahami bahawa segala yang akan terjadi kepada diri-Nya sudah dirancang Allah. Mereka memang lamban memahami apa yang diajar oleh Yesus. Kelak, ketika Tuhan Yesus sudah bangkit, mereka masih lamban memahami sehingga Tuhan Yesus makan bersama mereka, dan membuka minda mereka.



SEMUA YANG DIKATAKAN NABI

Kadangkala kamu membaca Alkitab tetapi seperti tidak memahaminya. Mohonlah pertolongan daripada Tuhan Yesus untuk menolong kamu. Hanya Yesus dan Roh Kudus dapat menerangi firman Tuhan kepada kita. Jangan kecewa.



Doa: Roh Kudus, tolonglah aku memahami ajaran Alkitab supaya mataku tercelik melihat yang benar.





Ayat Mas: “Tetapi Zakhues berdiri dan berkata kepada Tuhan: “Tuhan, setengah dari milikku akan kuberikan kepada orang miskin dan sekira sesuatu yang kuperas daripada seorang akan kukembalikan empat kali lipat,” (Lukas 19:8).

Tuhan Yesus memberitahu para pengikut-Nya bahawa Dia akan Yerusalem. Perjalanan ke Yerusalem itu bukan suatu kebetulan sahaja namun sudah dinubuat sejak dahulu oleh para nabi. “Sekarang kita pergi ke Yerusalem dan segala sesuatu yang ditulis oleh para nabi mengenai Anak Manusia akan digenapi,” (Lukas 18:31).

Sewaktu Yesus ke Yerusalem, Dia bertemu dengan seorang yang kaya tetapi dibenci orang. Namanya Zakhues. Dia pemugut cukai yang telah banyak menipu orang dengan memugut cukai berlebihan. Walaupun Zakhues bukan orang yang tidak baik, dia rindu melihat siapa Yesus. Badannya terlalu pendek dan banyak orang berdiri di depannya sehingga dia tidak dapat melihat wajah Yesus. Dia pun memanjat pokok ara agar boleh melihat Yesus.

Sewaktu Yesus melewati di sana, Dia memanggil Zakheus untuk turun. Tuhan Yesus tidak pernah bertemu Zakheus, namun Dia tahu nama-Nya! Tuhan Yesus yang Maha Tahu tentu tahu Zakheus ini pemugut cukai yang berdosa. Semua yang di sana terkejut dan bersungut-sungut kerana Yesus mahu menumpang ke rumahnya seorang pendosa.

Zakheus gembira mengenal Tuhan Yesus dan segera hatinya berubah menjadi anak Tuhan. Segala yang diperas daripada orang miskin dikembalikan empat kali lipat! Anak-anak, ketika Yesus datang ke hidup kita, Dia menjadi lebih indah dan penting daripada segala wang dan kekayaan kita.

Yesus berkata, “Sebab Anak Manusia datang untuk mencari dan menyelamatkan yang hilang,” (Lukas 19:10).

Doa: Tuhan Yesus, aku bersyukur Engkau datang untuk menyelamatkan orang yang hilang dan sesat dalam dosa seperti aku.



Hari 69

TUHAN YESUS BERDOA BAGI KITA



Bacaan Alkitab: Lukas 22:31-34

Ayat Mas: *“tetapi Aku telah berdoa untuk engkau, supaya imanmu jangan gugur. Dan engkau, jikalau engkau sudah insaf, kuatkanlah saudara-saudaramu,” (Lukas 22:32).*

Annie suka melihat neneknya menampi padi dengan dulang rattan. Neneknya sudah tua tetapi tangannya sungguh kuat. Kadangkala nenek meminta Annie menampi; dia suka apabila angin meniup kulit padinya. Asyik!

Wah, ceritanya lain sewaktu Tuhan Yesus memberitahu Petrus bahawa dia akan ditampi Iblis. Iblis akan menguji Petrus. Petrus akan menyangkal Tuhan Yesus tiga kali sewaktu diuji Iblis. Petrus begitu yakin dia akan bersama Tuhan Yesus walaupun dalam keadaan bahaya. Namun, dia akan betul-betul diuji oleh Iblis tentang kesetiaannya.

Tuhan Yesus tahu Petrus akan menyangkalnya maka Dia berdoa untuk dia. Setelah ayam berkokok tiga kali, dia akan menyesal dan kembali kepada Tuhan Yesus. Tuhan Yesus sudah berdoa bagi dia agar dia tidak gagal. Setelah itu Petrus menjadi murid Tuhan Yesus yang baik dan selalu menguatkan orang lain. Peristiwa ini telah menjadikan dia murid yang lebih kuat.

Jangan biar dirimu digoncang-goncang bagai ikan sardin dalam tin. Ingat Tuhan Yesus akan bersama kamu untuk memberi jawapan yang benar ketika awak dicabar oleh musuhmu. “Dan siap sediaalah pada segala waktu untuk memberi jawapan kepada tiap-tiap orang yang meminta jawapan yang ada padamu, tetapi haruslah dengan lemah lembut dan hormat,” (1 Petrus 3:15).



*Doa: Tolonglah aku Yesus, terima kasih kerana
Engkau berdoa bagi aku pada saat ini.*





LAZARUS TERTIDUR BUKAN MATI



Bacaan Alkitab: Yohanes 11:1-25

Ayat Mas: “Jawab Yesus, “Akulah kebangkitan dan hidup; barangsiapa percaya kepada-Ku, dia akan hidup walaupun dia sudah mati,” (Yohanes 11:44).

Anak-anak adakah kamu mempunyai kawan karib? Bagaimanakah perasaan kamu sewaktu kawan yang intim kamu meninggal dunia? Adakah kamu masih menganggap dia hanya tertidur dan akan bangun satu hari? Bagaimana kalau keluarganya juga berkata dia tertidur sahaja.

Tuhan Yesus mempunyai kawan-kawan baik seperti Lazarus, dan dua adiknya, Maria dan Marta. Kawan-kawan ini tinggal di kampung Betania yang beberapa batu jauhnya dari Yerusalem. Suatu hari Lazarus jatuh sakit tenat dan dua adik itu mengirim berita kepada Yesus, “Tuhan, dia yang Engkau kasihi sakit.” Apabila Yesus mendengar hal ini, Dia segera tahu itu terjadi demi kemuliaan Allah.


Bagaimana ini boleh menyatakan kemuliaan Allah sedangkan Lazarus sudah meninggal kerana Yesus sengaja lambat empat hari? Marta sungguh sedih dan berkata kepada Yesus, “Tuhan, sekiranya Engkau ada di sini, saudaraku pasti tidak mati.” Bagi Yesus, Lazarus tertidur sahaja. Orang yang percaya kepada Yesus, kalau mereka mati, mereka hanya tertidur sahaja. Jangan terlalu bersedih hati sebab kematian bukan akhir cerita kita. Tuhan Yesus berkata kepada Marta, “Akulah kebangkitan dan hidup; barangsiapa percaya kepada-Ku, dia akan hidup walaupun dia mati.”

“Kerana jikalau kita percaya bahawa Yesus telah mati dan telah bangkit, maka kita percaya juga bahawa mereka yang telah meninggal dalam Yesus akan dikumpulkan Allah bersama-sama dengan Dia,” (1 Tesalonika 4:14). Jangan bersedih kalau nenek atau datuk kamu meninggal dunia kerana mereka tertidur sahaja. Suatu hari mereka akan dibangkitkan apabila Yesus kembali.

Doa: Tuhan Yesus, aku percaya Engkau sudah mati dan bangkit! Suatu hari orang yang saya kasihi juga akan bangkit ketika Engkau datang lagi.

Hari 71

KEMULIAAN ALLAH



Bacaan Alkitab: Yohanes 11:26-44

Ayat Mas: *“Jawab Yesus: “Bukankah sudah Kukatakan kepadamu: Jikalau engkau percaya engkau akan melihat kemuliaan Allah?” (Yohanes 11:40).*

Apabila Hanson mengalami satu masalah, hanya masalah itu yang dilihatnya. Walaupun dia berdoa, hatinya kurang yakin Tuhan Yesus akan bercampur tangan dan menolong dia. Hanson tidak pernah berfikir melihat kemuliaan dan tangan Tuhan dalam setiap masalah yang dihadapinya.

Maria dan Marta sungguh sedih kerana mereka hanya melihat tubuh Lazarus yang tidak hidup lagi. Mereka tetap sedih walaupun Yesus bersama mereka. Tuhan Yesus menangis bersama-sama mereka kerana perasaan-Nya terharu. Hadir di tengah-tengah mereka juga ada orang yang tidak percaya Tuhan Yesus dapat membangkit Lazarus daripada maut.

Tuhan Yesus akan melakukan sesuatu yang mustahil supaya mereka yang berada di situ dapat percaya bahawa Dia diutus oleh Bapa-Nya. Lazarus sudah mati empat hari dan tubuhnya sudah busuk. Kuburnya ditutupi dengan batu. Tuhan Yesus tidak berdoa untuk Lazarus dibangkitkan, Dia hanya bersyukur dengan iman kepada Bapa Syurgawi.

Lazarus yang mati empat hari pun keluar dari kuburnya. Adakah anak-anak percaya bahawa Tuhan Yesus ialah Mesias yang diutus oleh Allah Bapa setelah melihat Lazarus keluar dari kuburnya? Jika kamu percaya, Dia dapat menolong kamu sewaktu menghadapi kesusahan. Kamu akan melihat kemuliaan-Nya.



Doa: Tuhan Yesus, aku percaya Engkaulah kebangkitan dan hidup, Mesias daripada Allah Bapa.





Bacaan Alkitab: Yohanes 12:12-19; Zakharia 9:9

Ayat Mas: “Jangan takut, hai puteri Sion, lihatlah, Rajamu datang, duduk di atas seekor anak keledai,” (Yohanes 12:15).

Anak-anak, adalah kamu akan pergi ke suatu kota di mana kamu akan mengalami pelbagai kesusahan. Di sana mungkin ada penjahat dan pembuli yang akan membelasah kamu. Bukankah kamu akan melarikan diri dari kota itu demi menyelamatkan diri daripada orang jahat.

Tuhan Yesus dan para murid-Nya dalam perjalanan ke Yerusalem. Di sana, Tuhan Yesus akan menghadapi hari-hari terakhir-Nya di dunia sebagai manusia. Banyak orang pun pergi ke sana kerana Paskah menjelang. Perayaan Paskah dirayakan untuk mengingatkan mereka bagaimana Allah telah menyelamatkan mereka daripada kuku besi Firaun, di Mesir. Beribuan orang datang merayakan Paskah yang bermakna ini di Yerusalem.

Apabila mereka sedang menuju ke Yerusalem, orang banyak yang datang ke Paskah mendengar tentang kedatangan-Nya. Mereka mengambil daun palma dan mengalu-alukan-Nya dengan berseruseru, “Hosana! Diberkati Dia yang datang dalam nama Tuhan, Raja Israel!” Mula-mulanya murid-murid Yesus bingung dengan peristiwa ini tetapi mereka mengingat satu nas Kitab ada menceritakan ha ini. Jadi mereka memuliakan Yesus sebagai Raja saat ini.

Apabila sebuah ekor keldai ditemui, Yesus menunggangnya. Tindakan ini sangat penting kerana itu juga satu tanda bahawa Dia adalah Mesias yang dijanjikan. Nabi Zakharia dalam kitab Zakharia 9:9 pernah bernubuat, “Jangan takut, hai puteri Sion, lihatlah, Rajamu datang, duduk di atas seekor anak keledai.”



KE YERUSALEM DENGAN MENANG

Tuhan Yesus datang sebagai Raja yang akan mati bagi dosa manusia. Perjalanan dan kemasukan-Nya ke Yerusalem adalah suatu kemenangan besar sebab Dia akan menjayakan rancangan Penyelamatan manusia daripada hukuman dosa, dan murka Allah.

Naiklah “Hosanna!” kepada Raja yang sengaja letakkan nyawa-Nya bagimu.



Doa: Aku memuji Engkau Raja yang mencintai aku, diberkatilah nama-Mu selalu.



Bacaan Alkitab: Yohanes 13:1-17

Ayat Mas: “Jadi jikalau Aku membasuh kakimu, Aku yang adalah Tuhan dan Guru,u, maka kamu pun wajib saling membasuh kakimu,” (Yohanes 13:14).

Pernahkah kamu membasuh kaki kawanmu yang kotor? Mungkin kamu tidak rela kerana tercium bau ikan masin bercampuran sambal belacan ketika kawanmu membuka sarung kakinya! Kalau begitu, relaxah kamu basuh cawan yang diminumnya? Relaxah kamu mencuci pakaian nenekmu pula?

Pada zaman itu, apabila mereka berjamuan, seorang hamba akan mencuci kaki tetamunya. Tetamu biasa tidak memakai kasut tetapi sandal dan jalan yang ditempuh mereka berdebu dan bertanah liat pekat. Tetamu akan merasa betapa disambut kalau kaki mereka dibasuh namun itu tugas seorang hamba yang disuruh tuannya. Tuan rumah tidak akan merendahkan diri untuk tugas sedemikian.

Yesus berkumpul bersama murid-murid untuk makan Paskah bersama. Dia menuangkan air dalam besen, mengambil sehelai kain lenan lalu mengikat pada pinggangnya. Dia mulai menyeka dan membasuh kaki murid-murid dengan kain dan air. Yesus sedang melakukan tugas seorang hamba. Sebenarnya, Yesus sudah merendahkan diri-Nya sewaktu Dia meninggalkan syurga untuk dilahirkan di kandang. Rasul Paulus berkata Tuhan Yesus mengosongkan diri dan mengambil rupa hamba, dan jadi sama dengan manusia (Filipi 2:7).

Petrus merasa diri-Nya tidak layak dibasuh kaki oleh Yesus yang mulia. Sewaktu Yesus berkata kalau Petrus tidak rela, dia tidak akan mengambil bahagian dengan-Nya. Segera Petrus minta dibasuh tangan dan kepalanya juga.



TUHAN YESUS MEMBASUH KAKI MURID-MURID

Setelah Guru Yesus membasuh kaki mereka, Dia berkata, "sebab Aku telah memberikan suatu teladan kepada kamu, supaya kamu juga berbuat sama seperti yang Kuperbuat kepadamu" (Yohanes 13:15).

Kita harus saling melayani sesama dengan hati seorang hamba. Jangan malu merendahkan diri dan melayani orang lain walaupun diketawakan oleh orang lain.



Doa: Berilah aku hati seorang hamba sewaktu aku melayani kawan-kawan atau keluargaku.



Hari 74 JAMUAN PASKAH



Bacaan Alkitab: Markus 14:12-16

Ayat Mas: *“Pada hari pertama dari hari Roti Tidak Beragi, pada waktu orang menyembelih domba Paskah, murid-murid Yesus berkata kepada-Nya: “Ke tempat mana Engkau kehendaki kami pergi untuk mempersiapkan perjamuan Paskah bagimu?” (Markus 14:12).*

Apakah yang dimakan pada perjamuan perayaan Paskah?

Mereka makan roti yang agak pahit yang dibuat daripada daun pahit, dan roti yang tidak beragi. Pada perayaan ini mereka juga tidak makan sebarang makanan yang beragi. Seekor domba akan disembelih untuk mengenangi peristiwa istimewa.

Perayaan Paskah pertama dirayakan untuk mengingat umat Tuhan diselamatkan daripada Firaun yang memerintah dan menindas mereka dengan kuku besi sewaktu di Mesir. Walaupun Allah mengutus pelbagai tulah, Firaun yang degil tetap tidak mahu melepaskan umat Tuhan. Akhirnya Allah menang kerana tulah terakhir paling menyedihkan hati Firaun. Tulah terakhir telah meragut nyawa anak sulung Firaun. “Maka tiap-tiap anak sulung di tanah Mesir akan mati, daripada anak sulung Firaun yang duduk di takhtanya...” (Keluaran 11:5).

Pada Paskah yang pertama setiap keluarga Israel harus menyembelih domba, dan darahnya dipercik di tiang pintu dan ambang atas (Keluaran 12:7). Pada malam itu Allah menjalani seluruh Mesir sehingga semua anak sulung dibunuh tetapi rumah yang dibubuh darah terelak dari tulah yang ngeri itu.

Pada perayaan Paskah Yesus dengan murid-murid, mereka mengenangi peristiwa diselamatkan dari Mesir. Mereka juga memandang ke depan, ke waktu Tuhan Yesus akan menyelamatkan mereka daripada dosa. Ketika Yesus makan bersama-sama murid-murid-Nya itu bukan Paskah yang biasa tetapi dipanggil “Perjamuan Kudus.”

Doa: Tuhan Yesus, terima kasih atas penyelamatan yang dilakukan dalam sejarah umat-Mu.



Hari 75

PERJAMUAN KUDUS



Bacaan Alkitab: Matius 26: 26-29

Ayat Mas: *“Sebab inilah darah-Ku, darah perjanjian, yang ditumpahkan bagi banyak orang untuk pengampunan dosa,” (Matius 26:28).*

Breth membuat perjanjian dengan Moris. Kalau Moris atau Breth menang dalam permainan guli, yang kalah mesti belanja K.FC. Sewaktu Moris menang, Breth berlari kerana tidak cukup wang dalam sakunya. Biasanya perjanjian seperti ini main-main sahaja tetapi anak-anak kadangkala marah kerana perjanjian tidak ditepati.

Perjanjian Lama ada banyak perjanjian antara Allah dan umat-Nya, contohnya perjanjian antara Abraham dan Allah. Perjanjian Baru menceritakan perjanjian yang diikat antara Allah dan manusia. Perjanjian ini melibatkan darah yang ditumpahkan bagi dosa manusia. Apabila Musa mengambil dara domba jantan, dia akan berkata, “Inilah darah perjanjian yang ditetapkan Allah bagi kamu” (Ibrani 9:20). Yesus adalah Pengantara satu perjanjian yang baru (Ibrani 9:15).

Ketika Tuhan Yesus berkata, “Ambillah, makanlah, inilah tubuhku.” Murid-murid bukan sedang makan tubuh Yesus. Mereka sedang makan roti sebagai ingatan bahawa tubuh Kristus akan dikorbankan di salib. Ketika Yesus berkata, “Minumlah, kamu semua, dari cawan ini” mereka sedang ingat akan darah Yesus yang akan dicurahkan.

Ketika kita mengadakan Perjamuan Kudus kita mengingat akan kematian-Nya dan juga menantikan kedatangan-Nya lagi. Pengorbanan Yesus sungguh berharga dan harus diingat selalu sehingga kita selalu diperbaharui dalam iman kita.



Doa: Aku bersyukur atas darah-Mu yang menebus aku dan melunaskan hutang dosaku.





Bacaan Alkitab: Markus 14:32-36

Ayat Mas: *“Kata-Nya: “Ya Abba, ya Bapa, tidak ada yang mustahil bagi-Mu, ambillah cawan ini daripada-Ku, tetapi jangannlah apa yang Aku kehendaki, melainkan apa yang Engkau kehendaki,” (Markus 14:36).*

Bobby duduk di bawah pokok langsung dengan wajah yang sedih. Akhir-akhir ini dia banyak menderita, basikal barunya dicuri ketika dia ke pekan. Wang yang ditabungnya hampir seratus pun dicuri orang. Hidungnya sering tersumbat dan perlu menjalani pembedahan di Hospital Melaka. Mengapakah Tuhan Yesus membiarkan saya menderita?

Ketika Tuhan Yesus di dunia Dia juga menderita tetapi Dia berdoa kepada Bapa-Nya. Dia tahu pemimpin-pemimpin agama tidak suka akan ajaran-Nya. Mereka mahu Tuhan Yesus mati di kayu salib. Tuhan Yesus tahu murid-Nya Yudas akan menjualnya. Dia tahu betapa sakitnya mati dipaku di kayu salib.

Di taman Getsamani, Tuhan Yesus berdoa kepada Bapa-Nya. Dia meminta kalau boleh, Bapa-Nya menjauhkan penderitaan-Nya. Dia tetap mahu kehendak Bapa-Nya. Kalau ini bukan kehendak Bapa-Nya maka Dia tetap akan menghadapi kayu salib. Yesus yakin kehendak Bapa paling indah walaupun betapa sakit. Seorang malaikat diutus dari syurga untuk menguatkan Yesus yang menderita sehingga peluh-Nya seperti darah.

Jangan menjauhkan diri kamu daripada Tuhan Yesus kerana kamu menderita. Berdoa kepada-Nya dan meminta kekuatan-Nya sekalipun kamu mengeluh dalam kesakitan. Cari kehendak-Nya selalu. Dia akan menolong kamu menghadapi penderitaan kamu dan kamu akan menjadi lebih kuat lagi.

Doa: Tuhan Yesus, aku mahu lebih dekat lagi kepada Engkau waktu aku menderita.





MARIA MENGURAPI YESUS DI BETANIA



Bacaan Alkitab: Yohanes 12:1-8

Ayat Mas: “Maka kata Yesus: “Biarkanlah dia melakukan hal ini mengingat hari penguburan-Ku,” (Yohanes 12:7).

Kumar Sari sangat gembira ketika kawannya Su memberi dia minyak wangi untuk hari jadinya. Ketika dia memakai minyak wangi itu, kawan-kawannya merasa loya dan pening begitu juga cikgu kelas mereka. Kelas hari itu dibubar kerana ada yang muntah-muntah. Minyak wangi itu dibeli Su dari Chow Kit dengan harga \$5 ringgit. Hal ini berbeza dengan minyak wangi yang diterima Yesus!

Keharuman minyak wangi menembusi setiap ruangan rumah Lazarus pada malam itu. Wah, itu keharuman minyak narwastu yang paling wangi dan murni. Gembirakah tetamu-tetamu yang berada di sana? Maria yang telah mengambil sekati minyak wangi yang sangat mahal untuk menyeka kaki Tuhan Yesus dengan rambutnya.

Bagi Maria, Yesus begitu mulia, minyak wangi patut dituangkan ke atasnya. Maria telah menuangkan minyak wangi ini kepada Yesus sebagai satu ucapan terima kasih. Minyak wangi itu satu persembahan dan pujian kepada Yesus. Maria mahu menunjukkan kasih-Nya terhadap Guru dan Tuhan ilahi ini.

Murid Yesus, Yudas Iskariot tidak begitu suka dengan pembaziran Maria. Dia berpendapat kalau minyak wangi itu dijual tentu banyak orang miskin akan mendapat berkatnya. Sebenarnya, hati Yudas bukan seperti Maria yang sungguh-sungguh ikhlas menyembah Yesus. Yudas menyembah wang walaupun berpura-pura mengikuti Yesus. Dia sering mengambil dari tas wang mereka.

Tuhan Yesus dengan gembira menerima minyak wangi yang mahal. Minyak wangi ini menyiapkan Yesus untuk penguburannya.



MARIA MENGURAPI YESUS DI BETANIA

Maria akan disebutkan setiap kali berita baik tersebar kepada orang lain. Rasa syukur atas penyelamatannya telah mendorong Maria untuk memberi yang terbaik.

Anak-anak berilah yang terbaik kepada Tuhan Yesus. Suara kamu merdu? Berilah nyanyian yang terbaik kepada Penyelamatmu. Kamu pandai menulis lagu? Bolehkah kamu mencipta irama dan lagu tentang kasih Tuhan Yesus. Biar keharuman pemberianmu memberkati Allah dan manusia.

Doa: Tuhan Yesus, biarlah bakat yang kupersembahkan mengharumi nama-Mu dan menjadi berkat bagi orang lain.



Hari 78

PENOLONG YANG LAIN



Bacaan Alkitab: Yohanes 14:15-20

Ayat Mas: *“Aku akan minta kepada Bapa, dan Dia akan memberikan kepadamu seorang Penolong yang lain, supaya Dia menyertai kamu selama-lamanya,” (Yohanes 14:16).*

Tenson sungguh kawatir kerana selama ini dia tidak pernah meninggalkan rumah ke tempat yang lain. Kampungnya tidak ada sekolah menengah. Dia terpaksa ke kota untuk belajar dan tinggal asrama di sana. Tenson kawatir kerana dia tidak dapat mencari ibu bapanya, rasanya seperti anak yatim. Ibunya menasihati Tenson selalu berdoa dan berseru kepada Tuhan Yesus. Jangan lupa Roh Kudus selalu bersama kamu.

Hati murid-murid Tuhan Yesus runsing. Tuhan Yesus yang sangat dikasihi mereka akan pergi setelah Dia bangkit dari maut. Yesus juga sangat mengasihi mereka dan tentu tidak akan meninggalkan mereka seperti anak yatim. Tuhan Yesus akan mengutus Roh Kudus.

Roh Kudus tidak dapat dilihat namun murid-murid Kristus Yesus akan mengenal Dia. Roh Kudus ini bukan seorang nabi tetapi Dia Roh Penghibur yang diutus Bapa Syurgawi. Roh Kudus akan mengajar murid-murid Yesus segala sesuatu. Segala yang pernah mereka belajar, Roh Kudus akan mengingatkan mereka.

Setelah Tuhan Kristus Yesus pergi, Roh Kudus turun pada hari Pentakosta. “Tiba-tiba turunlah dari langit suatu bunyi seperti tiupan angin keras yang memenuhi seluruh rumah di mana mereka duduk; dan tampaklah kepada mereka lidah-lidah seperti nyala api yang bertebaran dan hinggap pada mereka masing-masing,” (Kisah Para Rasul 2:2-3).



Doa: Tuhan Kristus Yesus dan Bapa Syurgawi, terima kasih kerana Engkau tidak biarkan aku sebagai anak yatim di dunia. Roh Kudus selalu bersama aku.



Hari 79

DIKHIANATI OLEH YUDAS



Bacaan Alkitab: Lukas 22:3-6; 47-48

Ayat Mas: “Maka masuklah Iblis ke dalam Yudas, yang bernama Iskariot, seorang daripada kedua belas murid itu,” (Lukas 22:3).

Willy dan Wilson dikenali jiran sebagai dua sahabat karib yang sering mengayuh basikal ke sekolah. Kalau emak Wilson mengoreng cucuk udang pasti Wilson mengambilnya bagi Willy. Di luar sangkaan Wilson, Willy selalu membongkar rahsianya kepada kawan-kawannya. Kawan-kawannya semua sudah tahu bahawa Wilson suka makan buntut ayam tetapi tidak diizin maknya. Dia sudah beberapa kali makannya di bawah katil!

Tentu hati kita merasa sakit sekali apabila dikhianati kawan yang karib.

Setelah Yesus berdoa kepada Allah Bapa dan dikuatkan oleh malaikat di taman Getsamani, suatu hal yang sedih terjadi. Yesus dikhianati dengan satu ciuman oleh murid-Nya, Yudas. Bersama dengan sepasukan askar yang berpedang dan memegang obor, Yudas datang ke Taman Getsemani untuk mencari Yesus.

Walaupun Yudas melihat muka Gurunya yang penuh kasih sayang, hatinya tetap dikeraskan wang dingin. Kasih Yesus tidak melembutkan hati Yudas kerana Iblis sudah masuk ke dalamnya. Yudas sudah membuka diri kepada Iblis kerana dia tamak akan wang. Wang telah membuat dia mengkhianati yang paling disayanginya. Tuhan Yesus sudah tahu Yudas akan menjualnya sebelum ini. Di Perjamuan Kudus bersama mereka, Dia pernah berkata, “Aku berkata kepadamu, sesungguhnya seorang di antara kamu akan menyerahkan Aku.” (Matius 26:21).

Anak-anak, iblis mahu kamu berpura-pura mencintai Yesus tetapi melakukan hal-hal yang menyakiti hatinya. Jangan menciumi Tuhan Yesus lalu mengkhianati-Nya dalam perbuatan dan perkataan.

Doa: Tuhan Yesus, aku mahu setia kepada Engkau selalu dan menjaga hatiku terhadap segala godaan.

Hari 80

PETRUS MENYANGKAL YESUS



Bacaan Alkitab: Matius 25:30-35; Matius 26:69-75

Ayat Mas: “Maka teringatlah Petrus akan apa yang dikatakan Yesus kepada nya: “Sebelum ayam berkokok, engkau telah menyangkal Aku tiga kali.” Lalu dia pergi ke luar dan menangis dengan sedihnya,” (Matius 26:75).

Betty sedang menatap ayam betina yang sedang mencakar-cakar tanah untuk ulat bagi anak-anaknya. Burung helang sedang melingkar-lingkar di langit tanpa kesedaran Betty. Mata burung helang itu sungguh tajam biarpun ia berada tinggi di awan. Dengan pantas, ia menyambar lalu mencekup si ayam betina. Anak-anak ayam berlarian bertempiaran dalam ketakutan.

Ketika Tuhan Yesus ditangkap murid-murid berlarian bertempiaran bagai anak-anak ayam kecuali Yohanes dan Petrus. Petrus dan Yohanes pergi ke tempat Yesus ditangkap oleh imam-imam. Petrus tidak berani masuk ke halaman tempat itu. Seorang hamba perempuan datang dan mengatakan Petrus mengenal Yesus, orang Galilea, tetapi Petrus berkata, “Aku tidak tahu, apa yang engkau maksud.” Hanya setelah ayam berkokok tiga kali, apabila Yesus menoleh kepada Petrus, baru dia menyedari yang dikatakan oleh Yesus benar. Petrus menangis dan menyesali hal ini.

Anak-anak, sewaktu di sekolah atau di luar sekolah, orang yang tidak mengenal Tuhan mungkin menghina atau mengancam kita. Sebagai anak-anak Yesus, selalu bersiap sedia dihina tetapi jangan malu akan Yesus. “Sebaliknya, bersukacitalah, sesuai dengan bahagian yang kamu dapat dalam penderitaan Kristus, supaya kamu juga boleh bergembira dan bersukacita pada waktu Dia menyatakan kemuliaan-Nya” (1 Petrus 4:13).



Doa: Tuhan Yesus, tolonglah aku berdiri teguh sewaktu diancam atau dihina kerana nama-Mu.



Hari 81 YESUS DIHUKUM



Bacaan Alkitab: Yohanes 18:12-13, 19-23

Ayat Mas: *“Dia dihina dan dihindari orang, seorang yang penuh kesengsaraan dan yang biasa menderita kesakitan...” (Yesaya 53:3).*

Anak-anak masih ingatkah sewaktu Tuhan Yesus menunggang keldai masuk ke Yerusalem. Peristiwa ini juga dinubuat oleh nabi Zakharia. Yesuslah satu-satu orang yang hidup-Nya dinubuat dalam banyak hal termasuk tempat kelahiran-Nya. Cara Dia dihakimi, dihukum dan mati pernah dinubuat oleh nabi Yesaya dalam Yesaya 53 “Hamba Yang Menderita.”

Setelah Tuhan Yesus ditangkap di Taman Getsemani, Dia dibawa kepada dua orang oleh askar-askar. Pertama-tama Hanas dan kemudian Kayafas. Saat ini Yesus dikerumuni oleh mereka yang membenci-Nya. Imam-imam dan orang Farisi yang munafik menuduh Dia. Tuhan Yesus sendiri menghadapi semua ini.

Tuhan Yesus dihakimi walaupun Dia tidak berdosa. Apabila ditanya tentang ajaran dan murid-murid-Nya, Dia tidak ada untuk disembunyikan. Dia meminta mereka untuk menunjukkan kata-Nya yang salah. Imam Besar pun menampar Yesus tanpa sebab. Saat ini Yesus bagai domba dibawa ke tempat sembelihan untuk dianiaya. Dia juga seperti induk domba digunting bulu-Nya di depan orang (Yesaya 53:7).

Bagaimana anak-anak akan rasa kalau dihukum tanpa kesalahan? Yesus tahu Dia akan mengalami saat ini sebab ini memang kehendak Allah.

Doa: Tuhan Yesus, aku ingin berdiri teguh ketika aku dicabar kerana imanku kepada-Mu.



Hari 82

YESUS DI HADAPAN PILATUS



Bacaan Alkitab: Yohanes 18:28-40; 19:1-30;

Ayat Mas: *“Sesudah mengatakan demikian, keluarlah Pilatus lagi dapatkan orang-orang Yahudi dan berkata kepada mereka: “Aku tidak mendapati kesalahan apa pun pada-Nya,” (Yohanes 18:38b).*

Bagaimanakah perasaan kamu kalau kamu dihukum atas kejahatan orang lain? Kawan kamu yang mencuri tetapi kamu dituduh lalu di rotan di depan semua pada waktu perhimpunan sekolah? Kawan kamu yang jahat telah mencuri wang orang lain lalu meletakkan dompet kosong dalam beg sekolah kamu!

Awal-awal pagi, Yesus dibawa ke Pilatus. Orang Yahudi berkata Yesus telah melakukan kesalahan. Yesus dianggap bersalah kerana Dia mengakui diri-Nya Raja. Apabila ditanya, Yesus menjawab bahawa Dia bukan raja dunia ini seperti raja Rom. Pilatus tetap mendapati Yesus tiada bersalah. Lagipula, isterinya ada mimpi dan sudah memberi satu amaran kepadanya. “Jangan engkau mencampuri perkara orang benar itu, sebab Dia aku sangat menderita dalam mimpi tadi malam” (Matius 27:19).

Orang ramai tidak mahu mendengar penjelasan Pilatus. Mereka berteriak, “Salibkan Dia! Salibkan Dia!” Sebaliknya, mereka ingin membebaskan seorang penyamun, Barabas. Pilatus tidak dapat berbuat apa-apa tetapi dia tidak mahu bersalah kerana menjatuhkan hukuman atas orang yang tidak bersalah. Dia membasuh tangannya di depan mereka lalu berkata, “Aku tidak bertanggungjawab terhadap kematian orang ini.”

Barnabas dibebaskan sementara Yesus dibawa keluar dari kota ke tempat lain untuk disalibkan. Tempat itu disebut Golgota yang bermaksud Tengkorak. Tuhan Yesus disalibkan bukan kerana Dia bersalah melainkan kita bersalah. Nabi Yesaya ada bernubuat, “Tetapi

YESUS DI HADAPAN PILATUS

dia tertikam oleh kerana pemberontakan kita, dia diremukkan oleh kerana kejahatan kita...” (Yesaya 53:5a).

Anak-anak, adakah kamu merasa syukur kepada Tuhan Yesus. Dia menghadap kayu salib bukan kerana dosa sendiri. Kitalah yang sepatutnya disalibkan di kayu salib.



Doa: Tuhan Yesus, aku bersyukur Engkau telah menanggung kesalahanku dan menghadapi penghukuman bagiku.



Hari 83

RAJA DIHINA



Bacaan Alkitab: Matius 27: 27-31

Ayat Mas: *“Mereka meludahi-Nya dan mengambil buluh itu dan memukulkan kepala-Nya,” (Matius 27:30).*

Beranikah kita menghina raja? Pada zaman dahulu, seorang budak kecil pernah mendengar satu rahasia tentang seorang raja. Dia tahu dia tidak boleh beritahu sesiapa ataupun ketawa kalau-kalau pegawai raja di sana terdengar. Dia pun masukkan kepala ke dalam satu lubang pokok lalu memberitahu pokok lalu ketawa terbahak-bahak! “Raja suka makan kulit padi!”

Tuhan Yesus mengambil rupa sebagai manusia walaupun Dia Raja Syurgawi. “Dan dalam keadaan sebagai manusia, Dia telah merendahkan diri-Nya dan taat sampai mati, bahkan sampai mati di kayu salib” (Filipi 2:8). Yesus dihina dan diolok dengan sangat biadap namun Raja Syurgawi kita tidak marah. Askar-askar itu mengenakan jubah ungu kepada Yesus untuk menghina Dia. Mereka tidak tahu bahawa yang dihina mereka itu Raja yang paling agung.

Mereka juga menganyam sebuah mahkota duri dan menaruh atas kepala-Nya serta mengolok, “Salam, hai raja orang Yahudi.” Tuhan Yesus tidak marah dan mengutus petir untuk memanah mereka. Dengan rendah hati, Dia menanggung semua olokan dan seksaan ini tanpa mengutuk mereka.

Yesus sudah membuktikan Dia Anak Allah dengan mukjizat-mukjizat luarbiasa selama ini. Yesus membuktikan Dia adalah Anak Allah yang sempurna dan tidak pernah berdosa dengan bibir mahupun perbuatan-Nya. Tiada hinaan mahupun olokan boleh membuat Tuhan Yesus berdosa.



Doa: Tuhan Yesus, aku sujud menyembah sifat-Mu yang sempurna walaupun dihinakan musuh Engkau tidak berdosa.



Hari 84

YESUS DISALIBKAN



Bacaan Alkitab: Lukas 23:33-43

Ayat Mas: Yesus berkata: “Ya Bapa, ampunilah mereka, sebab mereka tidak tahu apa yang mereka perbuat...” (Lukas 23:34).

Tuhan Yesus di bawa oleh askar-askar ke bukit untuk disalibkan. Apabila tiba di tempat yang bernama Tengkorak, mereka memakukan Yesus di kayu salib lalu meninggikan salib itu agar Yesus digantung sampai mati. Sebelum ini Yesus pernah menceritakan hal ini, “Dan sama seperti Musa meninggikan ular di padang gurun, demikian juga Anak Manusia harus ditinggikan” (Yohanes 3:14).

Mereka meletakkan “Yesus, orang Nazaret, Raja orang Yahudi” (Yohanes 19:19). Dua penjahat disalibkan di sebelah kiri dan di sebelah kiri-Nya. Satu penjahat berteriak-teriak kepada Yesus, “Bukankah Engkau adalah Kristus? Selamatkanlah diri-Mu dan kami!” Seorang lagi berkata, “Tidakkah engkau takut, juga tidak kepada Allah sedang engkau menerima hukuman yang sama?” Lalu dia memohon, “Yesus ingatlah akan aku, apabila Engkau datang sebagai Raja.” Yesus menyahut, “Sesungguhnya hari ini juga engkau akan bersama-sama dengan Aku di dalam Firdaus.”

Anak-anak boleh membuat satu pilihan. Kamu boleh menjadi seperti penjahat yang menghina Yesus, atau penjahat yang percaya kepada Kristus. Alkitab berkata, “Sesungguhnya, tangan Tuhan tidak kurang panjang untuk menyelamatkan” (Yesaya 59:1a). Penjahat yang menerima kasih Yesus di salib akhirnya juga ke syurga.

“Akan tetapi Allah menunjukkan kasih-Nya kepada kita, oleh kerana Kristus telah mati untuk kita, ketika kita masih berdosa” (Roma 5:8). Hati kita boleh tetap keras seperti penjahat yang menolak Yesus di kayu salib. Dia tidak dapat pergi ke Firdaus bersama Tuhan Yesus pada hari ini.



YESUS DISALIBKAN



Doa: Tuhan Yesus, aku mahu membuat pilihan yang tepat, terimalah aku yang berdosa ini.



Hari 85

SAYANG AKAN IBU BAPAMU



Bacaan Alkitab: Yohanes 19: 25-27

Ayat Mas: *“Ketika Yesus melihat ibu-Nya dan murid yang dikasihi-Nya di samping-Nya, berkatalah Dia kepada ibu-Nya, “Ibu, inilah anakmu!” (Yohanes 19:26).*

Ibu Rina bangkit awal-awal lagi lalu ke kebun getahnya untuk menoreh getah tanpa takut akan ular. Kalau dia sudah pulang ke rumah, segera dia memasak sarapan pagi bagi Rina. Petang, dia ke pasar malam untuk mencari ikan-ikan segar dan keropok leko bagi anak-anaknya. Kadangkala dia ke hutan mencari cendawan dan paku pakis. Dia juga sering menerima jahitan daripada orang di kampungnya untuk menolong suami mencari nafkah hidup.

Tuhan Yesus mempunyai seorang ibu yang baik dan mengasihi-Nya. Dia memasak untuk Tuhan Yesus dan mencuci pakaian-Nya. Dia selalu tahu anak ini sungguh istimewa dan diutus Penyelamat bangsa-bangsa. Tuhan Yesus juga sangat mengasihi ibu bapa-Nya. Dia pernah menemani ibunya ke perjamuan perkahwinan.

Tuhan Yesus selalu menjaga ibu-Nya. Dia tetap mengasihi ibu-Nya sewaktu Dia sedang mati di kayu salib. Dia mahu ibunya dijaga oleh seorang anak. Dia menyuruh Yohanes untuk menjaga ibu-Nya. Dia tidak hanya berfikir tentang kesusahan sendiri tetapi Dia berfikir tentang mak-Nya, atau disebut orang Iban inai-Nya.


Anak-anak, adakah kamu mengingat inai dan apai (ibu bapa) kamu? Sungguhkah kamu hanya mementingkan diri dan tidak pernah menolong inai dengan kerja rumah? Walaupun kamu melihat dia sungguh penat, kamu berpura-pura sibuk dengan komputer kamu.



Doa: Tuhan Yesus, aku mahu mengasihi ibu bapa saya seperti Engkau mengasihi ibu-Mu.

Hari 86

YESUS BERBOHONGKAH?



Bacaan Alkitab: Matius 27: 57-66

Ayat Mas: *“dan mereka berkata: “Tuan, kami ingat, bahwa si penyesat itu sewaktu hidup-Nya berkata: Sesudah tiga hari Aku akan bangkit,” (Matius 27:63).*

Kalau Yesus memberi kamu satu peluang untuk meminta tanda untuk membuktikan Dia adalah Tuhan, apakah yang kamu minta?

Pernah Yesus memberi satu tanda kepada musuh-Nya untuk membuktikan diri-Nya Tuhan. Dia berkata, “Rombak Bait Allah ini, dan dalam tiga hari Aku akan mendirikanNya kembali.” (Yohanes 2:14). Yesus bukan sedang bercakap tentang Bait Allah melainkan tubuhnya sendiri. Dia akan mati tetapi pada hari ketiga Dia akan bangkit.

Imam kepala dan Farisi teringat Yesus pernah berkata Dia akan bangkit pada hari ketiga. Mereka menganggap ini satu bohong yang besar! Jangan-jangan nanti murid-murid Yesus mencuri tubuh-Nya. Mereka meminta agar Pilatus memberi mereka penjaga-penjaga kubur Yesus selama tiga hari.

Yesus pernah memberitahu murid-murid-Nya sewaktu mereka pergi ke Yerusalem, “Sekarang kita pergi ke Yerusalem dan Anak Manusia akan diserahkan kepada imam-imam kepala dan ahli-ahli Taurat, dan mereka akan menjatuhkan Dia hukuman mati. Dan mereka akan menyerahkan Dia kepada bangsa-bangsa yang tidak mengenal Allah, supaya Dia diolok-olokkan, disesah dan disalibkan, dan pada hari ketiga Dia akan dibangkitkan” (Matius 20:18-19).

Diolok-olok, dan disalibkan sudah terjadi bagaimana pula dengan dibangkitkan? Yesus bohongkah bahawa Dia akan bangkit pada hari ketiga? Adakah murid-murid juga sedang menantikan kebangkitan Yesus? Adakah ada yang meragukan kata-kata Yesus?




Doa: Tuhan Yesus, pujilah Engkau yang mati tetapi pada hari ketiga Engkau bangkit.



Hari 87

TUHAN YESUS SUDAH BANGKIT!



Bacaan Alkitab: Yohanes 20:1-29

Ayat Mas: *“Dan sesudah berkata demikian, Dia menunjukkan tangan-Nya dan lambung-Nya kepada mereka. Murid-murid itu bersukacita ketika mereka melihat Tuhan,” (Yohanes 20: 20).*

Anak-anak, bayangkan kamu pergi ke kubur pada hari ketiga dan melihat kain kapan tubuh Kristus berada di tanah. Tubuh Kristus tidak ada di dalamnya. Apakah yang mungkin kamu fikir? Adakah awak akan bersujud sambil memuji Tuhan Yesus sudah bangkit atau menangis kerana tubuh-Nya sudah dicuri?

Tuhan Yesus memang sudah bangkit! Murid-murid menduga tubuh Yesus sudah dicuri orang. Ketika Maria berdiri dekat kubur, Tuhan Yesus yang bangkit berdiri di sana bersamanya. Ketika hari malam, Tuhan Yesus berdiri di tengah-tengah murid-murid yang berada dalam rumah yang terkunci. Dia berkata, “Damai sejahtera bagi kamu!” (Yohanes 20:20). Yesus menunjukkan tangan dan lambung-Nya kepada murid-murid yang sungguh sukacita.

Tomas yang tidak bersama mereka pada malam itu. Dia berdegil dan berkata, “Sebelum aku melihat bekas paku pada tangan-Nya dan sebelum aku mencucukkan tanganku ke dalam lambung-Nya, sekali-kali aku tidak percaya” (Yohanes 20:25). Kemudian Yesus yang bangkit datang dan menyuruh dia berbuat seperti yang dikatakannya. Yesus berkata berbahagialah orang yang tidak melihat namun percaya.

Hari ini masih ada orang yang seperti Tomas. Mereka berkata mereka tidak akan percaya kalau Tuhan Yesus tidak berdiri di depan mereka. Mereka berkata Tuhan Yesus hanya guru yang hebat dan salah seorang nabi daripada para nabi. Mereka mahu melihat dengan mata sendiri baru mereka berseru, “Ya Tuhanku dan Allahku!”

*Doa: Tuhan Yesus, aku
menyembah Engkau yang
bangkit dan menang atas maut.*



Hari 88

PERJALANAN KE EMMAUS



Bacaan Alkitab: Lukas 24:36-49

Ayat Mas: “Kata-Nya kepada mereka: “Ada tertulis demikian: Mesias harus menderita dan bangkit daripada antara orang mati pada hari yang ketiga,” (Lukas 24:46).

Marilyn tidak dapat memberi tumpuan kepada khutbah Pastor Eddy. Basikalnya baru dicuri dan dia merasa sungguh sedih. Bapanya mungkin tidak mampu membeli basikal baru baginya. Marilyn tidak tahu bahawa sepupunya mengayuh basikalnya ke bandar tanpa memberitahu dia.

Dua murid Tuhan Yesus sedang berjalan di jalan ke Emmaus. Hati mereka penuh dengan keraguan bukan iman dan keyakinan. Tuhan Yesus memberitahu mereka Anak Manusia akan menderita, mati, dan bangkit daripada antara orang mati pada hari ketiga. Mata rohani mereka tertutup kabut keraguan dan kesedihan.

Walaupun Tuhan Yesus berjalan bersama mereka, yang disangka mereka “hantu.” Mereka sulit mempercayai sewaktu Tuhan Yesus menunjukkan tangan dan kaki-Nya. Hati mereka yang sedih dan takut tetap menduga Dia hantu. Tuhan Yesus yang sangat sabar suruh mereka memberi-Nya sepotong roti untuk meyakinkan mereka.

Fikiran mereka mulai dibukakan ketika Tuhan Yesus menjelaskan rancangan Allah. Mereka pernah mendengarnya sewaktu Yesus mengajar mereka dahulu. Semua yang terjadi kepada Yesus seharusnya berlaku. Firman yang dikatakan dalam Taurat Musa dan kitab nabi-nabi sudah menjadi kenyataan.

Seharusnya dua murid ini menantikan Yesus yang bangkit dengan penuh sukacita. Mereka tidak bersorak dengan gembira

sewaktu Yesus Kristus bersama mereka kerana kesedihan menghindari mereka daripada Yesus.

Anak-anak harus selalu berharap kepada Yesus Kristus dengan penuh iman. Tuhan Yesus sudah bangkit.



Doa: Aku tahu Engkau selalu berjalan dan bersahabat dengan aku sewaktu jalan hidup saya susah. Engkau bangkit dan hidup



Hari 89

PETRUS BERJALAN DALAM AIR



Bacaan Alkitab: Yohanes 21:3-12

Ayat Mas: “...Ketika Petrus mendengar, bahawa itu adalah Tuhan, maka dia mengenakan pakaiannya, lalu terjun ke dalam danau,” (Yohanes 21).

Setelah Tuhan Yesus mati di kayu salib, murid-murid-Nya sedih dan takut. Pada suatu hari mereka berkumpul di pantai. Simon Petrus, Tomas, Natanael dan anak-anak Zebedeus bersama-sama di sana. Petrus ingin pergi menangkap ikan dan semua murid mahu mengikutnya. Kini, Yesus sudah tidak mengikut mereka dan mereka merasa sepi.

Malam itu, mereka tidak dapat menangkap apa-apa. Perasaan sedih dicampuri suatu kehampaan. Mereka tidak menduga Tuhan Yesus akan bangkit dari kubur dan datang ke pantai. Tuhan Yesus menyuruh mereka menebarkan jala. Setelah mereka berbuat demikian, begitu banyak ikan tertangkap sehingga jala itu mulai koyak. Murid-murid baru menyedari yang berdiri dan bercakap itu Tuhan Yesus yang bangkit!


Apa lagi tunggu! Itu Tuhan Yesus sudah bangkit. Tanpa menunggu, Petrus terjun dan berenang bertemu dengan Tuhan Yesus. Petrus tidak mahu perlahan-lahan bertemu dengan Tuhan Yesus yang dikasihinya. Setelah itu murid-murid lain tiba ke pantai itu lalu mereka makan ikan dan roti dengan Tuhan Yesus. Itulah sarapan yang paling gembira bagi mereka.

Larikah kamu ke dalam pelukan Tuhan Yesus yang bangkit? Dia mahu bersahabat dan berjalan bersama kamu. Buat apa tunggu lagi, sambutlah Tuhan Kristus Yesus yang bangkit.



*Doa: Aku segera mahu datang,
O Tuhan Yesus yang bangkit, dan
bersahabat dengan Engkau.*





Bacaan Alkitab: Matius 28:11-20; Lukas 24:45-49

Ayat Mas: *“Kerana itu pergilah, jadikanlah semua bangsa murid-Ku dan baptislah mereka dalam nama Bapa dan Anak dan Roh Kudus,” (Matius 28:19).*

Sebelum Yesus kembali ke syurga, Dia bertemu dengan murid-murid-Nya di sebuah bukit di Galilea. Tuhan Yesus memberi mereka satu tugas yang sangat penting. Tugas ini dipanggil Amanat Agung. Tugas ini juga diberikan kepada setiap anak yang percaya kepada Yesus.

Inti Amanat Agung Tuhan Yesus berbunyi begini, “Pergilah, jadilah semua bangsa murid-Ku dan baptislah mereka dalam nama Bapa, Anak dan Roh Kudus, dan ajarlah mereka segala sesuatu yang telah Kuperintahkan kepadamu. Dan ketahuilah, Aku menyertai kamu senantiasa sampai kepada akhir zaman,” (Matius 28:19-20).

Tuhan Yesus mati di kayu salib bagi semua bangsa di dunia ini. Ini juga menepati perjanjian Allah kepada Abraham. Bukankah sewaktu Allah memanggil Abraham, Dia berjanji, “Bukankah sesungguhnya Abraham akan menjadi bangsa yang besar serta berkuasa, dan oleh dia segala bangsa di atas bumi akan mendapat berkat?” (Kejadian 18:18) Bukankah Kerajaan Allah adalah seperti benih yang kemudian berkembang menjadi pokok besar? Murid-murid Yesus akan menyebarkan Berita Baik sehingga Kerajaan Allah berkembang ke seluruh dunia.

Sesudah itu, Tuhan Yesus terangkat ke syurga, lalu duduk di kanan Allah Bapa (Markus 16:19). Tuhan Yesus yang terangkat ke syurga akan datang lagi di atas awan dengan segala kekuasaan dan kemuliaan-Nya (Matius 24:30).



Berjaga-jaga dan hidup kudus sebab tiada siapa tahu bila Dia akan kembali. Jangan lupa menurut Amanah Agung. Anak-anak tidak hanya belajar Alkitab tetapi mesti mengajarnya juga.



Doa: Tuhan Yesus, aku mahu memberitakan kepada semua bangsa tentang Penyelamatku yang bangkit.

